Penerbit: Institut Analisa Sosial (INSAN)
Pencetak: Penerbit Universiti Malaya

NADI insan

MEI 1981
KDN 0088/81
ISSN 0126-9364
$1.00

WAWANCARA: LIM KIT SIANG

25

RM4: NIKMAT UNTUK SIAPA?

- Pekerja Lombong: Sudah Jatuh Ditimpa Tangga
- Lawatan Suzuki Memberi Rezeki
- Pengumpulan Senjata: Wabak Seluruh Dunia
- Ibn Khaldun: Perintis Sains Sosial

Rasalah degup jantung rakyat, bacalah

NADI insan

HANYA $1.00

Dalam keluaran bulan April 1981

GAJAH SAMA GAJAH BERJUANG, SABAH MATI DI TENGAH-TENGAH?

- ASN: Untuk Siapa?
- Filem Melayu: Seni Untuk Ekonomi?
- Politik Kelantan: Antara PAS & UMNO

DUA KARYA POLITIK KEBANGSAAN OLEH AHMAD BOESTAMAM

Bekas Ketua API (Angkatan Pemuda Insaf),
Parti Rakyat Malaya, Parti Marhaen, PEKEMAS

MERINTIS JALAN KE PUNCHAK

Seorang pejuang kebangsaan mengisahkan perjuangan nasionalis yang menentang penjajahan di Malaya pada zaman 1945-1948, iaitu antara Peperangan Dunia Kedua dan Pengisytiharaan Darurat. Buku ini telah dipilih untuk diterjemahkan oleh Prof. W. Roff (pengarang "Nasionalisma Melayu") sebagai karya yang mewakili semangat nasionalisme tanahair kita. (181 halaman, hanya $3.00)

DR. BURHANUDDIN: PUTERA SETIA MELAYU RAYA

Kisah perjuangan umat Islam yang menentang imperialisme dan membela demokrasi. Almarhum Dr. Burhanuddin Al-Helmy pernah menjadi anggota Sarekat Islam Merah dan kemudiannya ketua beberapa badan politik kebangsaan termasuk PEKEMAM (Parti Kebangsaan Melayu Malaya), PUTERA (Pusat Tenaga Rakyat), PUTERA-AMCJA, Parti Islam SeMalaya dan juga seorang pengasas Partai Rakyat Malaya. (78 halaman; hanya $2.00)

BORANG PESANAN

Nama & Alamat:

_____

_____

_____

_____

☐ $2.50 untuk "Dr. Burhanuddin"
☐ $4.00 untuk "Merintis Jalan Ke Puncak"

TAWARAN ISTIMEWA

☐ $6.00 untuk kedua-dua buku

Sila kembalikan borang ini serta bayaran kepada:
INSAN, Peti Surat 26, Kajang, Selangor.

Photocomp. please typeset again

NADI insan

Para pembaca diingatkan bahwa bahan-bahan yang diterbitkan di dalam keluaran NADI INSAN ini tidak semestinya menggambarkan pendirian penerbit (INSAN) atau sidang Redaksi majalah ini.

Penerbit : Institut Analisa Sosial (INSAN)
Peti Surat 26, Kajang, Selangor.
Redaksi : Dr. Mohd. Nasir, Mohd. Daud, Rohana, Dr. Jomo
Pelukis : Jaseni, Lim
Pencetak : Penerbit Universiti Malaya, Lembah Pantai, K.L. Champion Printers Sdn. Bhd.
Pengedar : The New Straits Times Press (M) Bhd., Jln. Riong, K.L.

BILANGAN 25 MEI 1981

pena penyunting	2	
wawancara	3	Lim Kit Siang
nasional	9	RM4: Dasar Ekonomi Terbuka Dilanjutkan
	17	Pindaan Untuk Demokrasi?
peristiwa	20	Pekerja Lombong Ditimpa Malang
kartun	22	Al-Kisah Kapitalisme
antarabangsa	25	Jepun dan Asia Tenggara Setelah Lawatan Suzuki
	27	Perlucutan Senjata Tidak Boleh Ditangguhkan Lagi
buruh	32	Kamalam: Woman Unionist
insan bulan ini	34	Pak Jantan: Nelayan Seumur Hidup
sejarah	35	Alm-Al-Umran Ibn Khaldun
seni	36	Bertolt Brecht: The Rebel Artist
sajak	38	Oleh Penyajak Malaysia
filem	39	Lino Brocka
kartun	40	Kuku Besi Dikacip

Baru-baru ini *Parti Tindakan Demokratik* (DAP) telah menghadapi banyak masalah yang berakhir dengan keluarnya beberapa pemimpinnya dari parti. Dalam keluaran ini, **Lim Kit Siang** membincangkan masalah ini serta masalah ekonomi Malaysia dalam wawancara kami dengan beliau.

Perlucutan senjata memang suatu perkara yang harus disokong oleh setiap insan di bumi ini memandangkan betapa bahayanya senjata nuklear kini. Sdr. Wan Manan memberi pendapatnya tentang issu ini.

Akta (Pindaan) Pertubuhan 1981 telah diluluskan walaupun terdapat bantahan hebat dari masyarakat atasnya. Apakah sebenar terdapat di sebalik akta ini. Bacalah rencana kami.

Rancangan Malaysia Keempat telah dibahaskan dan diluluskan oleh Parlimen. Sdr. Suria Hamid membincangkan implikasinya terhadap beberapa aspek ekonomi negeri kita.

JIMATKAN WANG
NADI insan TERUS KE RUMAH ANDA

	6 bulan	1 tahun
Harga langganan	$5.50	$10.00
Anda menjimatkan	.50s	$2.00

BORANG LANGGANAN

Nama & Alamat _____

_____

_____

Sila kembalikan borang serta bayaran kepada:
INSAN, Peti Surat 26, Kajang, Selangor.

Di Luar Negeri	Mel Biasa	Mel Udara
Asia Tenggara — Asia Selatan, Asia Timur, Australia	M$16	M$24
New Zealand —	M$16	M$28
Timur Tengah, Eropah —	M$16 (£ 4)	M$36 (£ 9)
Afrika, Amerika —	M$16 (US$8)	M$44 (US$22)

(Langganan Setahun)

Pena Penyunting

Lim Kit Siang dan Parti Tindakan Demokrat (DAP) sudah menjadi sinonim dalam politik Malaysia. Pada hari ini ia merupakan parti pembangkang yang terbesar di Parlimen. Banyak orang menyatakan DAP adalah Lim Kit Siang dan Lim Kit Siang adalah DAP.

Dalam perjuangan politiknya DAP mengemukakan satu alternatif yang berbeza dari parti lain khususnya *Barisan Nasional* dalam cara bagaimana negara harus ditadbirkan. Dalam keluaran ini kami menghidangkan satu wawancara khusus dengan sdr Lim Kit Siang.

Melalui wawancara ini saudara pembaca akan dapat mengikuti pendirian dan pandangan DAP, khasnya sdr Lim atas beberapa isu yang kami kemukakan.

Rancangan Malaysia Keempat (RM4) yang dilancarkan tidak berapa lama dulu adalah sambungan kepada RM3. Objektif RM4 ini yang dilandaskan atas *Dasar Ekonomi Baru* memberi penekanan kepada usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Keluaran ini mengemukakan satu ulasan mengenai RM4 itu.

Kami juga menerbitkan sebuah rencana khusus mengenai Akta (Pindaan) Pertubuhan 1981 yang kontraversial itu. Bantahan telah dikemukakan oleh banyak pihak terhadap akta yang disifatkan sebagai *catch all* itu. Suara yang kedengaran mengatakan bahawa ini adalah satu lagi contoh bahawa sistem demokrasi di negara ini dari masa ke masa terus terhakis.

Di samping rencana-rencana yang disebutkan di atas kami kemukakan juga rencana-rencana lain antaranya ialah rencana yang mengulas lawatan PM Suzuki dari Jepun ke Asia Tenggara dan rencana mengenai perlucutan senjata. Dua rencana ini mempunyai kepentingan bersama kepada kita khususnya di rantau ini. Samasamalah kita ikuti pandangan yang dikemukakan oleh penulis-penulisnya.

Inilah antaranya serba sedikit yang dapat kami hidangkan kepada saudara pembaca untuk bulan ini. Kami berharap suadara pembaca akan terus mengikuti dan berpuas hati dengan sajian kami.

NI

Bila di Melaka singgahlah di

MOTEL TANJUNG KLING

Pantai Pengkalan Perigi
Tanjung Kling
Melaka.

NomborTelefon:
06 - 80652

TAWARAN PENGENALAN PERCUMA!

NADI INSAN MENGHARGAI SOKONGAN DAN MINAT ANDA KE ATAS MAJALAH KELUARAN KITA. KITA HARAP LEBIH RAMAI LAGI RAKAN-RAKAN ANDA AKAN MENYERTAI ANDA MEMBACA MAJALAH INI. SILA SERTAKAN NAMA DAN ALAMAT MEREKA DI BAWAH INI SUPAYA DAPAT KITA KIRIMKAN NASKAH TAWARAN PENGENALAN *NADI INSAN* PERCUMA BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA MENGIKUTI DENGAN LEBIH DEKAT PERKEMBANGAN-PERKEMBANGAN YANG SEDANG BERLAKU DI RANTAU INI.

NAMA _____ ALAMAT _____

LIM KIT SIANG

BANGKANGAN UNTUK PERSAMAAN

NI: *Bolehkah Sdr Lim terangkan latar belakang politik Sdr Lim sebelum menjadi setiausaha agung DAP iaitu dari masa sebelum menyertai PAP dan seterusnya.*

LKS: Saya tidak pernah menjadi anggota PAP (Parti Tindakan Rakyat Singapura). Parti yang pertama saya sertai ialah DAP (Parti Tindakan Demokrat) iaitu pada 19 Mac 1966 apabila parti itu didaftarkan. Pada masa itu saya menjadi setiausaha kepada ahli parlimen kawasan Bangsar C.V. Devan Nair. Pada tahun 1967 saya dilantik menjadi setiausaha organisasi kebangsaan DAP.

Di akhir tahun 1968, saya buat pertama kali menjadi calon dalam pilihanraya kecil di Serdang di mana saya kalah. Dalam tahun 1969 saya dipilih sebagai ahli parlimen untuk Kota Melaka. Pada 18hb Mei 1969 saya ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Dalam bulan September 1969, semasa saya dalam tahanan saya dilantik sebagai setiausaha agung DAP kerana bekas setiausaha agung Goh Hock Guan menghadapi krisis identiti dan tidak berani balik ke negeri ini. Dia berasa takut akan ditahan atau disiksa dan lain-lain. Ia meletakkan jawatan setiausaha agung.

Lim dengan keluarga

Semenjak masa persekolahan saya sangat tertarik hal ehwal politik oleh kerana masa itu — tahun 50an — satu dekad yang penuh dengan peristiwa politik seperti Persidangan Bandung, tindakan memiliknegarakan Terusan Suez, Merdeka dan lain-lain.

Keanggotaan Dalam DAP

NI: *Bolehkah Saudara ceritakan sedikit tentang latar belakang peristiwa hidup Saudara sebelum menganggotai DAP.*

LKS: Selepas saya menghabiskan persekolahan menengah di *High School* Batu Pahat tahun 1959 saya bekerja (selama) kurang dari setahun sebagai guru sementara. Selepas itu saya masuk ke *Straits Times* di Singapura sebagai *reporter*. *Straits Times* pada masa itu belumlah besar. Saya menjadi pemberita untuk dua tahun setengah dan selepas itu saya menjadi *reporter* untuk Radio-Televisyen Singapura. Selepas itu saya datang ke Kuala Lumpur untuk menjadi setiausaha Devan Nair dan masuk DAP.

NI: *Mengapa Saudara tertarik dengan DAP pada ketika itu, iaitu pada awal tahun 60an.*

LKS: Semenjak masa persekolahan saya sangat tertarik hal ehwal politik oleh kerana masa itu — tahun 50an — satu dekad yang penuh dengan peristiwa politik seperti Persidangan Bandung, tindakan memiliknegerakan Terusan Suez, Merdeka dan lain-lain. Sungguh pun masa itu saya bekerja di Singapura saya rasa tempat saya ialah Malaya pada waktu itu. Dan apabila ada tawaran dari C.P. Devan Nair untuk menjadi setiausahanya saya pun terima. Ini adalah satu peluang untuk membuat apa yang saya minati. Sungguh pun saya menghadapi banyak risko dengan memasuki bidang politik dan keluarga saya menentang (kerana) pada masa itu saya (adalah dalam proses) akan menjadi pengarang.

NI: *Apakah Saudara merasa keciwa apabila C.P. Devan Nair pergi ke Singapura dan menetap di sana.*

LKS: Tidak! Saya rasa ini (adalah) *the logic of the events* kerana latarbelakang C.V. Devan Nair sebagai pengasas PAP dan perjuangannya dalam PAP. Apabila Singapura berpisah dari Malaysia dia ditinggal seorang sahaja (di Malaysia). Oleh kerana dalam tahun 1964 dia bertanding dan memenangi kawasan Bangsar dia mempunyai tanggungjawab untuk menghabiskan tempohnya. Oleh kerana merasa dirinya adalah kepunyaan Singapura apabila selesai sahaja tempohnya dia pulang ke Singapura kerana keluarganya dan perjuangan hidupnya adalah di sana. Ini bukanlah satu perkara yang menghairankan.

NI: *Ada orang berpendapat bahawa Sdr C.V. Devan Nair itu telah terus mempengaruhi perkembangan politik Sdr Lim walaupun dia telah pergi ke Singapura. Apakah itu benar dan apakah pengaruh itu masih terdapat sampai kini?*

LKS: Bagaimanakah seorang daripada luar negeri boleh terus mempengaruhi DAP dan saya rasa kalau perkara itu benar tentu ia akan menjadi sasaran pihak Barisan Nasional. Sungguh pun ada banyak jabatan yang tidak cekap, saya mengalu jabatan yang paling cekap ialah jabatan *Special Branch* dan tentulah mereka tidak akan melepaskan kesempatan daripada apa-apa peluang yang ada untuk menunjuk atau kalau adalah pengaruh daripada sesiapa pun di luar negeri sekurang-kurangnya. Dalam tahun 1969 mereka ada menjadikan isu ini sebagai satu isu dalam pilihanraya bahawa DAP adalah dipengaruhi oleh PAP.

Bagaimanakah PAP dapat mempengaruhi. Ini adalah tidak benar dan hingga sekarang ia tidak didengar sungguh pun ada pengkhianat-pengkhianat parti menimbulkan isu ini. Ini tidak betul. Tidak! Kita sendiri pun faham bahawa kita kini sudah menjadi dua negara yang berasingan jadi kita mestilah mempastikan bahawa tidak ada apa-apa perkembangan yang boleh difaham sebagai *pengaruh langsung* itu ada.

Peristiharan Setapak

NI: *Dalam Pengistiharan Setapak tahun 1967/68 DAP telah menyetujui ujudnya Akta Keselamatan Dalam Negeri. Kemudian dalam Mei 1969 saudara sendiri telah ditahan di bawah Akta itu dan DAP pula mengutuk akta itu. Mengapakah DAP pada mulanya telah menyokong akta itu?*

LKS: Kita tidak boleh lari *fakta sejarah* bahawa DAP ditubuh selepas perpisahan Singapura daripada Malaysia. Sungguh pun mereka warga negara Malaysia yang tinggalkan (di Singapura), mereka tidak menerima hakikat bahawa dua buah negeri ini telah berpisah. Sebaliknya mereka meneruskan tujuan politik mereka untuk mencapai matlamat-matlamat mereka. Pada masa itu perkara yang menjadi pendirian termasuklah sokongan kepada Akta Keselamatan Dalam Negeri iaitu menyokong apa yang telah ada.

Dalam masa antara tahun 1966–69 dalam parti terdapat *tekanan* bahawa perlulah satu kajian kepada Akta Keselamatan Dalam Negeri tetapi tentulah apabila satu parti itu ditubuh dan dengan pendirian permulaan bukanlah begitu senang untuk mengadakan satu pemansuhan pendirian. Dalam Peristiharan Setapak tahun 1967 pemimpin-pemimpin telah membuat keputusan pendirian ini mestilah dikaji semula. Selepas itu saya ditahan dan apabila saya keluar saya mempunyai *moral authority* yang lebih dari orang-orang lain jadi dalam kedudukan itu saya adalah lebih senang untuk memujuk pemimpin-pemimpin lain untuk mengambil satu pendirian baru mengenai Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana dari segi masa (ia tidak sesuai lagi).

Bagaimanakah seorang daripada luar negeri boleh terus mempengaruhi DAP dan saya rasa kalau perkara itu benar tentu ia akan menjadi sasaran pihak Barisan Nasional. Sungguh pun ada banyak jabatan yang tidak cekap, saya mengaku jabatan yang paling cekap ialah jabatan Special Branch.

Fan Yew Teng dan DAP

NI: *Mengikut Sdr Fan Yew Teng, seorang bekas pemimpin DAP, DAP bermuka dua dalam hal ini. Mengikutnya DAP membantah Akta Keselamatan Dalam Negeri di sini tetapi tidak membantah keanggotaan PAP dalam Pertubuhan Sosialis Antarabangsa atas soal hak asasi manusia. Bolehkah Saudara menjelaskan kedudukan ini.*

LKS: Ini saya ada nafikan dahulu. Fan Yew Teng pun ada menggunakan ucapan saya dalam satu persidangan pemimpin-pemimpin Sosialis Antarabangsa di Tokyo dalam bulan Disember 1977. Beliau mendakwa bahawa DAP memberi sokongan kepada Akta Keselamatan Dalam Negeri di Singapura. Yang sebenarnya itu adalah tidak benar.

Mesyuarat DAP

Kita berpegang kepada satu prinsip sosialis di mana pada umumnya sumber-sumber asli di negara kita patutlah diurus untuk faedah rakyat jelata dan bukan untuk sekumpulan kapitalis atau segelintir orang atasan.

Kita tidak membezakan di mana-mana negara, kalau ada undang-undang semacam itu. Akta itu sama ada di Malaysia atau di Singapura tentulah kita tidak akan dedahkan diri kita kepada sesiapa yang boleh mengatakan kita *double standard* kalau kita mengambil pendirian bahawa akta di Malaysia kita di Malaysia kita bantah dan akta yang sama di Singapura kita sokong. Ini tentulah sangat tidak menasabah dan ini langsung tidak benar.

Tetapi perkara mengenai kita tidak mengambil satu pendirian bahawa PAP patutlah dipecat dari Sosialis Antarabangsa adalah satu perkara yang lain. Ia bukan hanya berasas kepada satu isu. Tetapi bagi Fan Yew Teng mungkinlah dia perlu untuk mempertikaikan tindakan-tindakannya.

Saya rasa trajedi Fan Yew Teng adalah kerana beliau telah menjadi mangsa dasar kerajaan Barisan Nasional. Semasa berjumpa dengannya pada akhir tahun 1977 beliau melahirkan perasaan bahawa tidak berguna lagi untuk mengadakan satu perjuangan yang *constitutional* oleh kerana tidak bererti. Dia sudah mengambil fikiran yang lain. Saya memberitahunya, kalau dia benar-benar berfikir begitu dia boleh meneruskan logiknya itu.

NI: *Bolehkah saudara jelaskan apakah dasar-dasar politik yang didukung oleh DAP?*

LKS: Kita berpegang kepada satu prinsip *sosialis* di mana pada umumnya sumber-sumber asli di negara kita patutlah diurus untuk faedah rakyat jelata dan bukan untuk sekumpulan kapitalis atau segelintir orang atasan. (Kita mahukan suasana) di mana rakyat boleh menikmati kebebasan dan keadilan.

Pendirian kita ialah pelaburan asing patutlah dan seharusnya diawasi supaya tidak berlaku eksploitasi bukan sahaja sumber asli tetapi juga sumber tenaga manusia di negara kita.

NI: *Dalam hal ini ada orang berpendapat bahawa pendirian DAP kabur sedikit. Misalnya pernah terdapat dalam akhbar (lidah rasmi DAP)* Roket *dua makalah yang bertentangan. Satu yang mengutuk kerajaan kerana sikap kerajaan yang mendukung pelabur-pelabur asing dan yang satu lagi mengutuk kerajaan kerana kerajaan tidak memberi keistimewaan yang cukup menarik kepada pelabur asing. Yang mana satukah merupakan pendirian DAP?*

LKS: Sebenarnya tidak ada sebarang ketidakselaran dalam pendirian DAP atas perkara ini. Pendirian kita ialah pelaburan asing patutlah dan seharusnya diawasi supaya tidak berlaku exploitasi bukan sahaja sumber asli tetapi juga sumber tenaga manusia di negara kita. Kalau mereka akan memainkan peranan perlulah ditentu dengan sepenuhnya di bawah jagaan dan dalam kontek kepentingan negara.

NI: *Jadi tidak ada substitusi dari segi itu?*

LKS: Dalam dua perkara itu? Dalam dua perkara itu adalah susah dan tidak mungkin. Cukup susah kepada kecuali jika saya dapat melihatnya sendiri.

Kini demokrasi dalam keadaan berbahaya di mana antara lain hak-hak constitutional rakyat selalu dipinda. Ini boleh berlaku oleh kerana Barisan Nasional mempunyai majoriti dua pertiga dalam Dewan Rakyat.

Sosialisma a la DAP

NI: *Apakah yang dimaksudkan dengan sosialisma kalau itu hanya setakat boleh dikatakan sebagai nasionalisma dari segi sumber-sumber asli. Apakah erti sosialisma yang diperjuangkan oleh DAP?*

LKS: Saudara memang tahu bahawa definasi sosialis itu banyak dan boleh dikatakan fahaman sosialisma kita ialah bahawa corak sistem di mana hasilnya dinikmati oleh rakyat yang terbanyak di negara kita.

NI: *Mungkin pendirian itu masih kabur lagi. Walaubagaimana pun kita ke tajuk lain. Baru-baru ini terdapat kemungkinan akan ujud kerjasama antara beberapa parti pembangkang terutama sekali antara PAS dan DAP. Bolehkah saudara mengulaskan kemungkinan ini.*

LKS: Sebenarnya pada masa ini tidak ada apa-apa perbincangan atau *contact* di mana-mana pun. Apa yang berlaku ialah dalam surat khabar ada beberapa komen dengan reaksi-reaksi. Pada prinsipnya sangatlah susah untuk mengadakan *approach* kepada perkara ini. Namun umumnya DAP rela untuk membincang masalah kerjasama dengan parti-parti pembangkang yang lain mengenai bentuk kerjasama itu.

Kini demokrasi dalam keadaan berbahaya di mana antara lain hak-hak *constitutional* rakyat selalu dipinda. Ini boleh berlaku oleh kerana Barisan Nasional mempunyai majoriti dua pertiga dalam Dewan Rakyat. Kalau ini dengan tujuan untuk menapikan Barisan Nasional mendapat dua pertiga suara untuk menyelamatkan demokrasi saya rasa satu pakatan di mana parti-parti pembangkang boleh berkerjasama patut ditimbangkan.

NI: *Parti-parti pembangkang yang mana difikirkan.*

LKS: Parti-parti pembangkang yang boleh memainkan peranan dan memberi sumbangan yang efektif dan bukan parti yang mahu di segi kata-kata sahaja.

Kuang Ti atau DAP?

NI: *Baru-baru ini beberapa anggota Parlimen dan Dewan Undangan Negeri DAP telah meninggalkan parti dan ada di antara mereka yang menganggotai parti pemerintah khasnya MCA dan Gerakan dan ada pula yang tidak menganggotai apa-apa parti. Ini merupakan tahap yang terbaru dalam* trend *beberapa krisis pemimpin DAP meninggalkan parti yang bermula dengan Sdr Goh Hock Guan bekas Setiausaha Agung DAP. Apakah implikasi perkembangan baru-baru ini? Kami ingin mendengar pendapat saudara tentang tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh mereka ini terhadap DAP khususnya terhadap saudara?*

LKS: Ya, sebenarnya dalam masa lima bulan ini ada tuduhan-tuduhan yang sangat *malicious* yang bertujuan untuk memecahkan *credibility* dan *solidarity* parti melalui tiupan semangat memburuk-burukkan pemimpin-pemimpin parti khasnya saya. Kempen ini dijalankan oleh sekumpulan orang dalam parti dan tentulah ada bersangkutpaut dengan orang-orang di *Barisan Nasional.* Pada masa itu ia berjalan dalam parti dengan menggunakan suratkhabar berbahasa Cina yang keluar seminggu dua kali. Semuanya dalam bahasa Cina.

Mereka mengeluarkan rencana-rencana cuba untuk menghancurkan nama pemimpin-pemimpin DAP khasnya saya. (Tuduhan itu) antara lain adalah bahawa saya anti mereka yang berpelajaran Bahasa Tionghua, agen Barisan Nasional untuk mahukan kedudukan dalam parti dan baru-baru ini pun saya dituduh sebagai anti orang Cina.

Yang paling baru saya dituduh bukan saja anti orang Cina tetapi sebagai tidak ada darah keturunan *Kuang Ti* – maharaja Cina yang pertama. Saya tidak ada mempunyai darah dan semangat *Kuang Ti* itu dilakukan dengan sangat licin dan *sophisticated* yang mula-mulanya di luar parti. Tetapi kita tahu ini keluar dari dalam parti iaitu dari *Kumpulan Bertiga* di Pulau Pinang dan *satu* di Melaka. Usaha-usaha kita selama empat atau lima bulan untuk memberi peluang kepada mereka untuk balik ke pangkal jalan gagal dan mereka berdegil.

Ini bukan sahaja melanggar tatatertib dan akan menghancurkan parti. Kita sudah tidak ada pilihan yang lain selain daripada mengambil tindakan tatatertib sungguh pun mereka ahli Parlimen atau Dewan Undangan Negeri. Ahli Parlimen atau Dewan Undangan Negeri tidak memberi satu *immunity* kepada sesiapa untuk menjalankan aktiviti anti-parti.

Kemasukan mereka ke dalam MCA dan lain-lain parti termasuk seorang yang belum masuk tetapi nampaknya mahu memainkan peranan semacam Mohammad Nasir yang menubuhkan Parti Berjasa untuk melawan dan menghancurkan PAS dan dia untuk melawan dan hancurkan DAP. Ini menunjukkan bahawa mereka tidak ada taat setia kepada parti dan ideologi parti sungguh pun mereka mendakwa mereka cintakan parti dan taat setia kepada parti. Ini adalah perkara yang berlaku di Malaysia dan bukan satu perkara yang aneh.

Barisan Nasional yang sekarang dibanjiri oleh wang minyak akan cuba untuk bukan saja memecahkan parti pembangkang tetapi kalau mereka boleh, membeli ahli Parlimen, ahli Dewan Undangan Negeri dan pemimpin-pemimpin parti pembangkang. Ini lebih senang daripada melawannya dalam pilihanraya besar.

Saya dengar ada orang yang berkeliaran dengan wang yang banyak, beratus-ratus ribu ringgit. Mereka cuba

Patto, Lim dan lain-lain pemimpin DAP



Rapat raksaksa DAP

untuk membeli ahii Parlimen DAP. Ini adalah satu ujian kepada tiap-tiap orang. Tidak ada apa-apa yang boleh menahannya. Sesiapa yang boleh melalui ujian ini menunjukkan mereka bukan saja mempunyai *credibility* tetapi juga mereka akan menjadi lebih berguna dan memberi sumbangan yang lebih kepada parti. Mereka yang boleh dibeli, sama ada mereka akan pergi atau tidak, kalau tidak berlaku sekarang, akan berlaku juga di masa depan.

sangat hebat. Baru-baru ini dalam pilihanraya di Sabah dianggarkan satu kawasan parti Berjaya berbelanja $1 hingga $2 juta. Kalau tidak gunakan $1 juta untuk bertandingan dalam satu kawasan tapi untuk membeli seorang wakil rakyat parti pembangkang pun serupa. Sesiapa yang boleh bertahan dalam menghadapi perkara ini yang boleh menjadikan ia seorang jutawan. Orang yang mempunyai ideologi (yang kukuh) pun akan menghadapi ujian yang besar.

Barisan Nasional yang sekarang dibanjiri oleh wang minyak akan cuba untuk bukan saja memecahkan parti pembangkang tetapi kalau mereka boleh, membeli ahli Parlimen, ahli Dewan Undangan Negeri dan pemimpin-pemimpin parti pembangkang. Ini lebih senang daripada melawannya dalam pilihanraya besar.

NI: *Pada setengah orang perkembangan ini telah berlaku oleh kerana fahaman atau ideologi parti tidak kukuh. Anggotannya termasuk ahli Parlimen dan sebagainya tidak semestinya patuh kepada ideologi parti dan sebagainya. Mereka hanya merupakan orang yang mencari kesempatan politik yang mempunyai perasaan membangang tetapi bukan perasaan pembangkang yang berasas kepada ideologi yang teguh. Apakah ini benar?*

LKS: Saya rasa dalam perkara ideologi parti DAP masih belum sampai ke peringkatnya. Orang-orang keluar dari parti bukan terhad kepada DAP saja atau di negara Malaysia saja. Saya rasa ini tidak begitu berhubung dengan perkara yang saya sentuh tadi. Sungguh pun mungkin ada sedikit masalah semacam ini tetapi pada keseluruhannya saya rasa ini bukan masalah yang utama. Kalau kita tengok parti lain-lain selain daripada parti-parti memerintah berlaku juga perkara ini.

Apa-apa parti pembangkang yang kuat di Malaysia dalam keadaan yang begitu *authoritarian* dengan *temptation* yang begitu banyak akan menghadapi dugaan yang

Sokongan Kaum Melayu

NI: *Bolehkah saudara mengulas dari golongan masyarakat manakah datangnya sokongan untuk DAP sekarang ini?*

LKS: Dari *middle class* dan bawah.

NI: *Bagaimana pula kejayaan DAP dalam menarik sokongan dari kaum Melayu?*

LKS: Sejak DAP ditubuhkan, sungguh pun DAP menghadapi banyak halangan namun DAP tidak *give up* dalam tujuan kita dan memanglah dalam Malaysia ini kepada DAP untuk masuk ke kampung Melayu atau ke kawasan Melayu, DAP menghadapi lebih banyak cabaran dibanding dengan lain-lain parti. Kalau parti PAS, PSRM menghadapi masalah, masalah yang kita hadapi banyak kali lebih dari mereka sama ada di segi ugama, bahasa, bangsa dan lain-lain.

Tapi saya rasa selama kita berpegang kuat kepada objektif *multiracial* dan dengan perubahan-perubahan pesat di sektor sosioekonomi kita akan boleh membuat

banyak kemajuan politik.

NI: *Kita beralih kepada perkembangan-perkembangan kebangsaan masa kini. Bolehkah suadara mengulas* trend *ekonomi dalam negara kita terutama sekali apa yang terkandung dalam RM4 (Rancangan Malaysia Keempat)?*

LKS: Pada asasnya ia bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan untuk menyusun semula masyarakat berasaskan Dasar Ekonomi Baru. Tetapi apa yang berlaku ialah penumpuan kekayaan dan pendapatan di tangan golongan-golongan tertentu sahaja sama ada orang Cina, Melayu atau lain-lain. Dan itu tentulah satu keadaan yang tidak sihat yang akan meluaskan jurang yang ada di antara mereka yang berada dan tidak berada.

Tetapi Malaysia mungkinlah amat bernasib baik dengan sumber asli yang begitu banyak dan baru-baru ini *bonanza* emas hitam. Mereka boleh berbelanja dengan begitu banyak dan (ini) menunjukkan salahguna kuasa dan korupsi. Saya sangat khuatir dengan masa depan apabila sumber asli kita lebih terhad dan kita menghadapi masalah ekonomi. Jadi bagaimanakah Malaysia boleh menghadapi masalah itu dengan tidak mempunyai asas-asas (ekonomi) yang cukup? Jadi bagaimanakah kita hendak membaiki keadaan hidup rakyat? Bagaimanakah kita hendak meninggikan dan memperbaikkan hidup dan menyatukan mereka? Negara kita akan menghadapi satu krisis yang terbesar sekali.

Dengan perbelanjaan kerajaan yang sangat tinggi di mana untuk RM4 sebanyak $3 bilion adalah belanja pertahanan dan lain-lain. Masalahnya ialah jika ada amalan yang tidak baik negara akan rugi besar. Dan baru-baru ini saya ada timbulkan di Parlimen mengenai *public expenditure* seperti pembelian alat-alat senjata oleh Kementerian Pertahanan seperti senapang *howitzer, fire support vehicles, mines hunters* dan kontrek-kontrek. Setiap kontrek bernilai beratus-ratus juta. Yang sangat dikhuatiri ialah bagaimana perkara ini dibuat.

Timbalan Menteri Pertahanan mengutuk saya bahawa saya sepatutnya tidak membongkar rahsia ini. Yang perlu ialah Kementerian Pertahanan patut menukar sikap oleh kerana perkara semacam ini dunia pertahanan tahu dan musuh pun tahu tapi rakyat tidak tahu. Rahsianya ialah kepada rakyat Malaysia dan mereka yang untung terus beruntung. Perkara semacam ini bukan sahaja (berlaku) di bidang *business.* Di lain-lain bidang pun mestilah ada kawalan oleh Parlimen dan lain-lain badan. Ini akan memberi kesan besar kepada masa depan negara. Apa yang mustahak ialah untuk membangunkan sumber asli untuk masa depan negara dan tidak ada pembaziran.

Nampaknya ada terdapat banyak perpindahan (tenaga manusia) keluar negeri. Sungguh pun saya tidak setuju dengan tujuan (perbuatan) mereka tapi saya rasa kerajaan tidak boleh membiarkan oleh kerana akhirnya akan merugikan dari segi *human resources.*

Saya rasa perkembangan ini menunjukkan bahawa kita menuju kepada kerajaan yang lebih authoritarian di mana demokrasi berparlimen dan kebebasan-kebebasan disekat.

NI: *Apakah pendapat saudara berkenaan dengan perkembangan politik baru-baru ini terutama sekali dengan adanya pindaan perlembagaan dan undang-undang Akta Pertubuhan.*

LKS: Saya rasa perkembangan ini menunjukkan bahawa kita menuju kepada kerajaan yang lebih *authoritarian* di mana demokrasi berparlimen dan kebebasan-kebebasan disekat. Dan ini boleh ditafsirkan sebagai satu usaha oleh mereka yang berkuasa sebagai usaha menyekat cabaran dari rakyat Malaysia. Kebanyakan rakyat tidak begitu setuju dengan pindaan itu. Mereka akan lebih giat menuntut hal mereka di berbagai bidang seperti pekerjaan, persatuan-persatuan, universiti, ugama dan lain-lain. Usaha ini adalah satu tindakan untuk menyekat kebebasan mereka. **NI**

Lim dengan Karpal Singh

RM4

Dasar Ekonomi Terbuka Dilanjutkan

Dasar-dasar ekonomi utama yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Keempat (RM4) untuk tahun 1981—1985 akan melanjutkan, malah memperdalamkan ciri-ciri ekonomi terbuka yang diwarisi dari zaman penjajahan. Kadar pertumbuhan yang agak pesat serta imbangan perdagangan yang agak memuaskan dijangka untuk tempoh RM4 itu.

Walau bagaimanapun, ekspot pertanian, timah, balak dan beberapa bahan lain tidak akan berkembang dengan pesat dalam lima tahun yang akan datang. Malah, ada kemungkinan bahawa pengeluaran beberapa barang ekspot akan merosot. Nampaknya kerajaan terus mengharapkan bahawa ekspot minyak, gas asli cecair dan barang-barang pembuatan akan menjaminkan kadar pertubuhan yang pesat. Ketiga barang ini dijangka akan meningkat dari segi nilai sebanyak $25 bilion dalam lima tahun yang akan datang, iaitu sebanyak 72% dari tambahan dalam jumlah ekspot dari $28.5 bilion pada 1980 kepada $63.1 bilion pada 1985.

Pengeluaran Minyak Bertambah

Sebelum RM4 diumumkan, terdapat banyak ura-ura bahawa pengeluaran minyak akan dikurangkan pada tahun 1980 bagi menjimatkan sumber minyak yang ada. Tetapi sebaliknya RM4 menjangka bahawa ekspot minyak akan meningkat dari 11.8 juta ton pada 1980 kepada 13.7 juta ton pada 1985, iaitu dengan kadar pertambahan 3% setahun!

Perancang-perancang negara menjangka bahawa harga minyak akan berlipat-ganda dalam tempoh ini dari $609 ringgit kepada $10281 setan metrik: maka RM4 menjangka pendapatan dari ekspot minyak akan meningkat dari $7.2 bilion pada 1980 kepada $17.6 bilion pada 1985.

Di samping itu, ekspot gas asli cecair (GAC) dijangka akan meningkat sehingga 4 juta tan metrik pada tahun 1985 dengan nilai $3.3 bilion. Pada masa ini, Malaysia belum mula mengekspot gas itu lagi.

Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa Malaysia boleh memperolehi pendapatan yang besar dari pengekspotan sumber-sumber asli ini, walaupun dasar seumpama itu boleh dipersoalkan dari segi kepentingan jangka masa panjang.

Tetapi kelemahan RM4 adalah dari segi lain. Bolehkah sektor pembuatan mencapai kadar pertumbuhan yang begitu cemerlang memandangkan keadaan ekonomi sedunia yang meleset serta dasar-dasar perlindungan negara-negara maju terhadap ekspot-ekspot buatan dari Dunia Ketiga. Ini adalah penting oleh kerana sasaran perancangan RM4 bergantung kepada kejayaan sektor ekspot ini.

Jumlah ekspot dijangka akan bertambah sebanyak 9.7% setahun dalam tempoh RM4. Ada kemungkinan besar bahawa harapan ini berpunca dari kadar pertumbuhan sebanyak 9.4% yang tercapai dalam tempoh RM3.

Tetapi terdapat dua masalah utama yang mungkin akan mengecewakan harapan RM4 ini. Pertama, harapan untuk ekspot pada masa kini jauh lebih buruk daripada keadaan pada penghujung tahun 70an. Ini adalah disebabkan oleh kemelesetan ekonomi dunia yang telah mengakibatkan kemerosotan dalam harga barang-barang utama seperti getah, timah, balak, koko dan lada. Di samping itu, kadar pengeluaran balak, timah dan beberapa bahan utama lain dijangka akan merosot dalam tempoh RM4, sedangkan ekspot getah dijangka tidak akan kembang lagi.

Kedua, pertumbuhan ekspot pada tempoh RM3 telah dapat dicapai dengan kadar pelaburan yang pesat. Kadar pelaburan swasta adalah sebanyak 14% setahun, sedangkan kadar pelaburan dalam sektor awam adalah sebanyak 9% setahun, iaitu sebanyak 12% setahun bagi kedua-dua sektor.

Tetapi untuk tempoh RM4, kadar pelaburan dijangka akan jatuh pada 5.2% setahun, dengan kadar pertumbuhan pelaburan di sektor swasta sebanyak 8% dan kadar bagi sektor awam yang akan merosot sebanyak 1.4% setahun! Memandangkan kadar pertumbuhan pelaburan ini, matlamat RM4 yang dijangka itu patut dipersoalkan.

Memandangkan pentingnya pelaburan sektor awam dalam tahun 70an (RM2 dan RM3), yang telah mencapai kadar pertumbuhan purata sebanyak 13% setahun, kemerosotan dari segi pelaburan sektor awam, yang dirancangkan untuk RM4,, itu sungguh menghairankan. Pelaburan awam dijangka akan kurang dari $23,008 juta pada 1980 kepada $2,151 juta pada 1985, iaitu kemerosotan purata sebanyak 1.4% setahun.

Malangnya, perubahan yang amat penting ini tidak dijelaskan

dalam buku rancangan itu. RM4 hanya menekankan peranan penting yang dimain oleh sektor swasta. Tetapi sebab-sebab sebalik perubahan dasar ini mungkin terdapat di bahagian lain buku itu.

Mengikut RM4 lagi, kadar pertumbuhan pelaburan awam yang merosot adalah akibat dari peruntukan perbelanjaan yang lebih besar untuk pertahanan dan keselamatan dalam negeri bagi memperkembangkan serta memperkuatkan kemampuan pertahanan dan keselamatan negara.

Implikasi kenyataan demikian adalah bahawa sumber kewangan pemerintah sedang dialih dari pelaburan awam kepada perbelanjaan ketenteraan. Di bawah RM3, sebanyak $3.5 bilion telah digunakan untuk keselamatan. Bagi RM4, perbelanjaan ini dijangka akan bertambah sebanyak 168% kepada $9.4 bilion.

NI

Matlamat Penyusunan Semula Masyarakat

Aspek Dasar Ekonomi Baru, terutama sekali matlamat penyusunan semula masyarakat, yang sering diutamakan ialah matlamat 30% dari jumlah saham untuk kaum Bumiputera menjelang tahun 1990. Mengikut kajian separuh Penggal RM2, peratus saham bumiputera patut meningkat dari 2% pada 1970 kepada 9% pada 1975, 16% pada 1980 sebelum mencapai matlamat 30% pada 1990.

Mengikut RM4, pada 1975, 9.2% dari jumlah saham dimiliki oleh kaum Bumiputera. Tetapi pada tahun 1980, hanya 12.4% dimiliki oleh kaum Bumiputera, iaitu, hampir 4% kurang dari apa yang telah dirancangkan.

Walau bagaimanapun, pertumbuhan harta Bumiputera telah bertambah dengan pesat: nilainya telah berlipat 12 kali dari $280 juta pada 1971 kepada $3,274 juta pada 1980. Bahagian yang dipegang oleh rakyat Malaysia bukan Bumiputera telah meningkat dari $2,233 juta pada 1971 (34%) kepada 10,544 juta ringgit pada 1980 (40%). Di samping itu, bahagian yang dipegang oleh pemilik asing telah kurang dari 62% pada 1971 ke 48% pada 1980. Pencapaian dari segi pekerjaan juga agak memuaskan, kecuali dari segi golongan iktisad.

Mengikut RM4, pendapatan purata orang Melayu telah meningkat dengan kadar yang lebih pesat kalau dibandingkan dengan rakyat Cina atau India. Pada tahun 1970, pendapatan purata satu isi rumah Melayu adalah $172/- sebulan atau 65% dari pendapatan purata nasional sebanyak $264/-. Tetapi ini telah meningkat kepada $30 0 pada 1979, iaitu sebanyak 67% dari pendapatan purata nasional.

Malangnya, angka-angka mengenai ketidaksamaan dari segi pendapatan tidak diberi dalam buku RM4 itu. Mengikut sumber-sumber lain, jurang perbezaan pendapatan telah meningkat antara tahun 1957 dan 1976. Angka-angka setelah itu belum diketahui lagi.

Walau bagaimanapun, ketidaksamaan seumpama ini sebenarnya tidak bertentangan dengan DEB oleh kerana dasar DEB itu tidak bertujuan merapatkan jurang perbezaan pendapatan, tetapi hanya untuk membasmi kemiskinan dan untuk menyamakan struktur jurang perbezaan di kalangan orang Melayu dengan strukturnya bagi orang bukan Melayu.

Mengikut RM4 dan sumber-sumber lain, pencapaian matlamat 30% bagi Bumiputera paling maju sekali di sektor kewangan dan kenderaan, sedangkan kejayaan di sektor industri dan perdagangan masih sedikit sahaja.

RM4 juga telah mengubah peruntukan bahagian di kalangan Bumiputera, iaitu antara individu Bumiputera pada satu pihak dan agensi amanah Bumiputera atau perusahaan awam pada pihak lain. Mengikut Kajian Separuh Penggal RM2, pada tahun 1990, satu suku dari milik saham Bumiputera akan dipegang oleh individu, iaitu sebanyak 7.5%. Bakinya iaitu sebanyak 22.5% dijangka akan dipegang oleh agensi-agensi Bumiputera berkenaan.

Tetapi mengikut RM4, pembahagian ini akan berubah; hanya 5.2% akan dipegang oleh individu Bumiputera, sedangkan 24.8% akan dipegang oleh agensi amanah Bumiputera. Pada tahun 1980 4.3% sudah dipegang oleh individu Bumiputera dan hanya 8.1% dimiliki oleh agensi amanah Bumiputera itu.

Ini bermakna bahawa agensi amanah Bumiputera dijangka akan memain peranan yang jauh lebih besar kalau dibandingkan dengan keadaan sekarang. Ada banyak soalan yang akan timbul dari kenyataan ini, terutama sekali apakah majikan agensi amanah Bumiputera itu benar-benar akan memajukan kepentingan seluruh kaum Bumiputera atau mereka akan mengutamakan kepentingan sendiri.

NI

Pembasmian Kemiskinan Berjaya?

Mengikut RM4, usaha kerajaan untuk membasmi kemiskinan telah dapat meningkatkan pendapatan sebahagian besar dari keluarga-keluarga di bawah garis kemiskinan dahulu.

Malangnya, buku RM4 itu sekali lagi tidak menjelaskan bagaimana garis kemiskinan itu dihitung dan juga apakah caranya untuk menganggar bilangan orang di atas atau di bawah garis itu. Selama perkara mustahak ini tidak dijelaskan dengan angka-angka yang meyakinkan, keraguan bahawa kemiskinan dibasmikan melalui permainan statistik — yang disebutkan dalam laporan Bank Dunia tentang Malaysia yang terbaru — tidak dapat dielakkan.

Menjaminkan harga padi minima

Sebenarnya, kejayaan dari segi pembasmian kemiskinan paling nyata di kalangan pengeluar bahan-bahan mentah yang menikmati harga tinggi di pasaran dunia. Soal di sini ialah apakah pemerintah yang bertanggungjawab atas kejayaan ini? Di samping itu, apakah kejayaan ini akan berkekalan jikalau harga barang-barang utama berkenaan merosot semula?

Walau bagaimanapun, tidak boleh dinafikan bahawa pemerintah sendiri yang bertanggungjawab atas kejayaan bagi penanam-penanam padi. Walaupun kenaikan dari segi daya pengeluaran sahaja tidak memberi manafaat yang besar oleh kerana kos pengeluar padi juga telah meningkat, harga minima padi yang dijaminkan oleh kerajaan serta subsidi-subsidi lain telah berjaya meningkatkan pendapatan sebenar penanam-penanam padi.

Ada kemungkinan juga bahawa pendapatan di kalangan pekerja yang menerima upah telah meningkat, terutama sekali pekerja-pekerja kilang. Sebahagian besarnya disebabkan oleh pengurangan dari segi kadar pengangguran yang telah memperkuatkan kuasa tawar-menawar kaum buruh.

Walau bagaimanapun oleh kerana undang-undang dan dasar-dasar terhadap kaum buruh adalah begitu ketat, dan kemasukan pekerja haram dari Indonesia dan tempat-tempat lain dapat digunakan oleh pihak majikan demi mengekalkan kadar upah.

Pembasmian kemiskinan di kalangan pekerja pula kurang memuaskan. Misalnya, kadar kemiskinan di kalangan pekerja lombong telah meningkat sedangkan kadar upah di kalangan pekerja estet dapat bertambah akibat dari kenaikan harga getah.

Ada kemungkinan besar juga bahawa kadar pengangguran telah berkurangan oleh kerana ramai pekerja Malaysia sedang mencari pekerjaan di Singapura, Timor Tengah dan tempat-tempat lain. Maka walaupun kadar kemiskinan telah kurang dari 49% pada 1970 kepada 29% pada 1980.

NI



Harga getah meleset

Artikel-artikel mengenai RM4 telah disediakan oleh Suria Hamid

PENYELEWENGAN MEMBELI SENJATA

Pemimpin Pembangkang, Lim Kit Siang, berkata di Dewan Rakyat bahawa Kementerian Pertahanan (Kementah) telah membuat pembelian kelengkapan pertahanan dengan cara yang meragukan. Dia telah menyeru supaya sebuah Jawatankuasa Parlimen Mengenai Hal Ehwal Pertahanan ditubuhkan bagi mengkaji perbelanjaan pertahanan untuk melindungi wang awam dan kepentingan nasional.

"Janganlah kita menipu diri sendiri dengan merahsiakan kelengkapan pertahanan kita atas alasan demi keselamatan negara kerana negara-negara lain di seluruh dunia mengetahui apa yang diberi oleh sesebuah negara di pasaran senjata dunia". katanya.

"Hanya rakyat Malaysia sahaja yang tidak mengetahui perkara ini. Perbuatan seperti ini hanya menguntungkan orang-orang yang rasuah". Lim Kit Siang, yang berucap semasa perbahasan Rancangan Malaysia Keempat (RM4), berkata bahawa rasuah di kalangan atasan kini begitu ketara hingga seolah-olah menjadi satu cara kehidupan. "Yang menghairankan ialah kedudukan Biro Siasatan Negara (BSN) yang seolah-olah ujud dalam dunianya yang tersendiri." katanya.

Lim berkata beliau memandang berat bahawa belanjawan pertahanan sebesar $9.3 bilion dalam RM4 yang merupakan peruntukan belanjawan terbesar untuk lima tahun akan datang. Beliau telah meminta Menteri Pertahanan menerangkan amalan *yang meragukan* dalam pembelian kelengkapan pertahanan.

Sebagai contoh, beliau telah mengemukakan cadangan pembelian 350 buah Kereta Pengangkut Kakitangan Yang Bersenjata (*Armed Personnel Carriers (APC)*) dan Kenderaan Pembantu Bersenjata (*Fire Support Vehicles (FSV)*) bagi kegunaan Pasukan Bersenjata yang baru.

Katanya, beberapa buah pengeluar kelengkapan pertahanan yang telah mengirimkan kenderaan-kenderaan mereka untuk percubaan dan penilitian di Malaysia telah mengadu kerana Kementah telah *meminda dan mengubah* keperluan teknikal yang ia sendiri tidak mengemukakan dengan jelas.

Walaupun senjata *SIBMAS* (buatan Belgium) dan *Urutu* (buatan Brazil) telah dicuba dan diteliti selama tiga tahun, namun pemutusan masih belum dibuat. Sebaliknya, Kementah mengemukakan pula *tender* baru kepada beberapa pengeluar lain.

Tetapi apa yang menghairankan, menurut Lim, ialah perincian untuk APC adalah beroda empat sementara untuk FSV pula beroda enam. "Kenderaan beroda enam biasanya lebih baik daripada yang beroda empat, terutamanya dalam gerakan merentas desa," katanya. "Seterusnya, dalam susunan pertempuran, APC dan FSV boleh bergerak bersama-sama. Gerakan APC yang lemah boleh mengencatkan gerakan."

Kata Lim lagi, terdapat ketidakselarasan dan keluar-biasaan dalam pembelian 56 buah kereta kebal untuk Pasukan Kereta Kebal yang dicadangkan. Tentera Darat sedang menimbangkan kereta kebal *Vickers* (buatan British), *AMX* (buatan Perancis) dan *TAM* (buatan Jerman). Tetapi kereta kebal ini hanya diuji di seberang laut dan tidak dibawa untuk dicuba di negeri



ini, katanya.

Beliau menuduh yang pengeluar *TAM* dari Jerman telah menyertai mesyuarat pegawai-pegawai Perbendaharaan dan Kementah atas kemungkinan penjualan keretakebal *TAM* kepada Malaysia. Kata beliau, keretakebal *TAM* telah direka khas untuk kegunaan di Argentina, dan dikeluarkan di Argentina berdasarkan perincian Argentina. Berat kereta kebal ini tidak melebihi 30 ton.

"Atas sebab yang sama, Tentera Malaysia memutuskan yang ia mahukan keretakebal yang beratnya tidak melebihi 30 ton, barangkali kerana jambatan-jambatan di Utara Semenanjung Malaysia tidak boleh dilalui oleh kenderaan yang melebihi 30 ton. Ini seolah-olah melupakan kenyataan bahawa regimen keretakebal adalah regimen tersendiri, yang mempunyai kelengkapan jambatannya sendiri. Ia tidak bergantung kepada jambatan biasa untuk melintasi sungai semasa perang," katanya.



Kata Lim, 56 buah keretakebal *TAM*, yang berharga $4.5 juta sebuah, berjumlah $252 juta.

Beliau menambah bahawa Pasukan Keretakebal baru ini bertujuan untuk berjuang dalam peperangan keretakebal dengan Vietnam yang disokong Russia. Beliau menekan bahawa Vietnam mempunyai keretakebal buatan Russia dan Amerika Syarikat yang lebih berat dan mempunyai kelengkapan perlindungan yang lebih baik.

"Adalah tidak berfaedah membeli keretakebal yang lebih mahal tetapi tidak berkemampuan untuk menghadapi tentangan yang mungkin dihadapi oleh Malaysia," kata Lim. "Saya menyeru Kementerian Pertahanan supaya mengkaji semula semua keretakebal itu berdasarkan keadaan di Malaysia sebelum pembelian dibuat. Janganlah kita mengulangi pengalaman kenderaan *Panhard* yang memenuhi bengkel-bengkel tentera di seluruh negara."

Lim juga mengatakan bahawa Kementah mencadangkan untuk membeli 30 buah senapang *howitzer* 155mm. Ini adalah kali pertama Malaysia akan membeli senjata jenis itu yang mempunyai keupayaan untuk bertahan dan menyerang.

Beliau mengatakan Tentera Darat telah menyenaraipendekkan empat jenis senapang *howitzer,* tetapi kelihatan berkecenderungan kepada jenis *Bofors FH 77B* buatan Sweden. Katanya, *howitzer* buatan Sweden itu adalah jenis cubaan berharga kira-kira $314 juta. Satu jenis senapang *howitzer* lain, yang telah diuji dan dibuktikan, berharga hanya separuh dari harga itu.

Lim mengemukakan bahawa tiga tahun lalu, *Bofors* telah membekalkan 12 buah meriam penangkis kapalterbang kepada Tentera Darat dan didapati beberapa masalah telah timbul. Alat radar pada meriam itu kurang baik — dapat memancar tetapi tidak dapat menerima, larasnya pula lebih besar dari perincian dan ini melibatkan usia-guna meriam itu.

"Meriam penangkis kapalterbang Bofors juga adalah jenis cubaan yang sepatutnya memberi ingatan kepada Tentera Darat mengenai bahaya senapang *howitzer* yang tidak diuji dan belum dibuktikan." Katanya, *Bofors* mengeluarkan senjata jenis yang sama untuk Tentera Darat Sweden, iaitu *FH77A*.

Tetapi untuk memenuhi keperluan Malaysia, *Bofors* mestilah memperbaiki senjata *FH 77A* supaya menyamai *FH 77B*. Ini merupakan pemindahan yang besar kerana ia melibatkan perubahan laras, peningkatan kekuatan, dan perubahan untuk disesuaikan dengan peluru yang digunakan oleh NATO, yang juga digunakan oleh Tentera Darat Malaysia.

Lim berkata bahawa pembelian senapang *howitzer* 155mm. adalah persiapan jika berlaku peperangan dengan Indo-China.

Katanya, senjata *Bofors FH 77B* hanya berupaya sampai kepada sa-



saran sejauh 24 kilometer. Bofors mendakwa dengan menggunakan peluru jarakjauh yang dipanjangkan (*extended full-range bore ammunition*), ia dapat menembak sejauh 30 kilometer. Tetapi ini belum dibuktikan. Vietnam mempunyai senapang *howitzer* 130mm, buatan Russia, yang mempunyai jarak tembakan maksima sejauh 27 kilometer yang lebih kuat dari *Bofors FH 77B*.

Beliau telah menyeru Kementah supaya memastikan penawaran tender adalah saksama di samping senjata yang dibeli hendaklah ditimbangkan berdasarkan keupayaan yang dibuktikan. Katanya, dengan membelanjakan sebanyak $9.3 bilion untuk pertahanan, maka perbelanjaan yang sebanyak itu mestilah diteliti oleh Parlimen supaya masyarakat tahu ia telah digunakan dengan sempurna.

Sebarang kelencongan bukan sahaja melibatkan kerugian berjuta-juta ringgit wang rakyat, tetapi juga memberi kesan buruk kepada pertahanan, kekuatan dan kedaulatan Malaysia di masa perang apabila alat-alat yang tidak baik dan rosak tidak dapat digunakan.

Menurut Lim, terdapat seorang yang menjadi *tokoh* orang kuat dalam urusan pembelian alat senjata untuk Malaysia. "Semua pengeluar kelengkapan pertahanan dan senjata dari luar negeri menyedari bahawa dia adalah orang yang mesti diupah jika sekiranya pengeluar itu mahukan alat peperangannya dibeli oleh kerajaan Malaysia" katanya.

Orang kuat ini adalah seorang bekas brigadier general. Kebanyakan tawaran yang dibuat melaluinya lazimnya melibatkan kelengkapan pertahanan bernilai berjuta-juta ringgit, seperti kapal penyerang laju *SPICA* yang berharga $160 juta, kontrek yang bernilai $20 juta untuk membeli senjata *Automorallen howitzers* buatan Itali, peluru 5.56 mm untuk senapang dan sistem penangkis kapal terbang jenis *Bofors* berharga $50 juta, hampir kesemuanya berjaya. Lim berkata *orang kuat* ini adalah orang sebalik pembelian keretakebal TAM, senapang *howitzer* 155mm, *FSV* dan *APC*.

Katanya, sebuah Jawatankuasa Parlimen untuk Pertahanan hendaklah ditubuhkan bagi meneliti perbelanjaan pertahanan untuk melindungi wang rakyat dan kepentingan negara. Ia akan memastikan yang tiap-tiap ringgit yang dibelanjakan akan memperkuatkan pertahanan negara di samping memperkuatkan ketahanan dan keupayaan negara dalam menghadapi serangan luar.

(terjemahan dari *STAR*, 1.4.81)

NI

SIAPA MENGUASAI BANK PERDAGANGAN?

Adnan Ismail

Pada penghujung tahun 1979, bank-bank perdagangan di Malaysia telah dapat dikuasai oleh kepentingan serta individu bumiputera — enam dari sepuluh bank tempatan yang terbesar dikuasai oleh bumiputera. Nilai harta enam bank ini berjumlah $17.9 bilion atau 84% dari jumlah harta sepuluh bank itu.

Keenam-enam bank berkenaan mempunyai 266 atau 79.2% dari 336 cawangan yang dimiliki oleh sepuluh bank terbesar. Modal ekuiti sepuluh bank terbesar ini pada 31 Disember 1979 adalah $330.4 juta; enam bank yang dibawah kuasa bumiputera mempunyai $250 juta atau 75.7%.

Dalam penilaian terhadap sesuatu bank, angka yang paling penting ialah jumlah nilai hartanya. Angka ini mencerminkan saiz perniagaan bank berkenaan dan biasanya jauh melebihi nilai modal ekuitinya.

Mengikut suatu kajian terhadap bank perdagangan di Malaysia pada tahun 1979 yang telah dibuat oleh S.G.V Kassim Chan Sdn. Bhd., sepuluh bank tempatan terbesar mengikut jumlah harganya ialah:



Salah satu bank di K.L.

(1) Bank Bumiputera Malaysia Berhad (2) Malayan Banking Berhad (3) United Malayan Banking Corporation (UMBC) (4) United Asian Bank Berhad (UAB) (5) Perwira Habib Bank Malaysia Berhad (6) Development & Commercial Bank Berhad (7) Public Bank Berhad (8) Hock Hua Bank Berhad (9) Kwong Yik Bank Berhad (10) Oriental Bank Berhad.

Bank Bumiputera, Malayan Banking, UMBC, Perwira Habib, Kwong Yik dan Oriental dikuasai oleh bumiputera. Bank Bumiputera dengan harta sebanyak $7.6 bilion, dan Malayan Banking dengan $6.2 bilion adalah bank terbesar. Kedua-dua bank ini memiliki 64.5% dari jumlah harta, 46.3% dari nilai modal, dan 57.1% dari cawangan bank sepuluh bank terbesar tadi.

Bank Bumiputera, yang dulu dimiliki oleh kerajaan, sekarang dipunyai oleh Permodalan Nasional Berhad. Bank Bumiputera dan PNB memiliki 51% dari nilai modal Malayan Banking. Pernas pula memiliki 30% dari saham UMBC, tetapi mempunyai 50% dari kuasa terhadap pengurusan bank itu.

Dua pertiga dari modal Perwira Habib dimiliki oleh bumiputera, antaranya Tabung Angkatan Tentera, Permodalan Nasional Bhd., Tabung Haji dan individu-individu Melayu.

Malayan Banking mempunyai 51% dari modal Kwong Yik, sementara 41.5% lagi dipunyai oleh Peramining Sdn. Bhd., suatu usaha-sama bumiputera swasta. Baru-baru ini terdapat ura-ura bahawa Peramining akan mengambil alih Kwong Yik Bank. Dengan ini, bank tempatan yang paling tua di Semenanjung Malaysia akan menjadi bank pertama yang dimiliki oleh kepentingan bumiputera-swasta.

Kebanyakan bank yang dibincangkan tadi dikuasai oleh kerajaan ataupun oleh perusahaan-perusahaan awam. Koperasi Polis Di Raja Malaysia adalah pemegang saham terbesar dalam Oriental Bank (51.15%).

Dari empat buah bank lain yang tidak dikuasai oleh bumiputera, tiga antaranya mempunyai pelabur bumiputera yang memegang bahagian besar. Tengku Arif Bendahara dari Pahang, mempunyai sebahagian besar dari UAB; dia adalah pengerusi lembaga pengarah bank itu.

Datuk Syed Kechik adalah pemegang saham terbesar dalam D & C; bahagiannya adalah sebanyak 30%. 30% dari saham Public Bank pula dipegang oleh Tabung Angkatan Tentera.

Antara sepuluh bank perdagangan tempatan tadi, hanya Hock Hua yang tidak mempunyai kepentingan bumiputera yang besar.

Terdapat 21 bank perdagangan tempatan di Malaysia, mengikut Bank Negara. Jumlah harta kesemuanya pada penghujung 1979 ialah $23 bilion. 93.3% dari $21.3 bilion ini dipegang oleh sepuluh bank terbesar tadi.

Sepuluh bank ini juga mempunyai lebih dari 80% dari jumlah saham sebanyak $330 juta. Kesemua bank tempatan di Malaysia mempunyai 382 cawangan. 88% darinya dipunyai oleh sepuluh bank terbesar ini.

NI

MASALAH PERUMAHAN MAKIN RUMIT

Mohd Nor Hassan

Gabenor Bank Negara Datuk Aziz Taha menjelaskan bahawa kini bank-bank perdagangan akan diizinkan untuk mengenakan kadar bunga 10% iaitu 1% lebih tinggi dari kadar dahulu untuk pinjaman kurang daripada jumlah maksima $100,000.

Tetapi kadar yang tinggi ini tidak akan menggalakkan golongan berpendapatan rendah untuk memohon pinjaman perumahan dan juga akan menyempitkan lagi peluang untuk memiliki rumah. Kenaikan kadar bunga ini akan memberi kesan langsung kepada golongan berpendapatan rendah, sementara golongan pertengahan dan tinggi tidak akan menghadapi masalah besar akibat dari kenaikan kadar ini.



Rumah Murah yang mahal?

Kekurangan Sektor Awam

Kekurangan rumah yang meruncing di negara ini adalah terlalu ketara, terutamanya untuk rumah murah, yang sebahagian besarnya disebabkan oleh kekurangan dalam pembinaan di sektor awam. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga (RM3), hanya 33,000 unit (kira-kira 55%) daripada 73,500 unit rumah yang dijadualkan untuk dibina, telah dibina sehingga bulan November tahun lepas.

Kekurangan rumah murah yang meruncing ini telah mengakibatkan bertambahnya kawasan setinggan di seluruh negara, terutamanya di sekitar bandar-bandar utama seperti Johor Bahru, Ipoh dan Kuala Lumpur. Hingga akhir tahun lepas, terdapat kira-kira 450,000 setinggan di Kuala Lumpur (kira-kira 40% dari jumlah penduduknya berbanding dengan 25% dalam tahun 1973).

Supaya lebih ramai golongan berpendapatan rendah memiliki rumah, bank perdagangan dan syarikat kewangan haruslah menurunkan kadar bunga minima bagi pinjaman perumahan dari 9% kepada 8% serta memanjangkan tempoh maksima pembayaran balik dari 15 kepada 25 tahun. Dengan permintaan rumah yang tinggi dan pinjaman perumahan dari bank dan agensi kerajaan yang murah dan mudah, perusahaan perumahan dapat dibesarkan.

Permintaan rumah yang tinggi ini telah merupakan satu *trend* sejak empat tahun lalu. 82,000 unit rumah telah dijual pada tahun lepas berbanding dengan hanya 60,000 unit dalam tahun 1979.

Mahalnya Rumah Murah

Kini, harga rumah murah adalah di antara $15,000 hingga $20,000 seunit. Kira-kira separuh dari penduduk negara ini tidak mampu untuk membeli rumah itu. Kira-kira 40% dari rumahtangga di Malaysia mempunyai pendapatan kurang dari $600 sebulan. Apakah peluang mereka untuk mendapatkan rumah tanpa pinjaman perumahan untuk membeli rumah murah?

Tempoh pembayaran semula kini antara 8 hingga 15 tahun dengan kadar bunga yang tinggi merupakan halangan utama kepada bakal pembeli, terutamanya golongan berpendapatan rendah. Dengan andaian mereka mempunyai pendapatan $500 sebulan, maka mereka terpaksa memperuntukkan 30% darinya untuk membayar semula pinjaman perumahan itu di bawah peraturan sekarang ini.

Kerajaan patut juga menambah wang pusingan sebanyak $400 juta untuk rancangan rumah murah. (Persatuan Pembinaan Malaysia Berhad (MBSB) menguruskan rancangan rumah murah kerajaan dengan kemudahan kredit murah sebanyak $400 juta dari Bank Negara dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).)

Pembiayaan yang murah yang didapati dari Bank Negara dan KWSP itu membolehkan MBSB memberikan pinjaman perumahan pada kadar bunga 5.5% setahun sahaja. Rancangan ini ditujukan kepada pencarum KWSP dan orang lain yang mempunyai pendapatan kurang dari $500 sebulan. NI



Inilah 40% dari penduduk Kuala Lumpur

PINDAAN UNTUK DEMOKRASI?

Mohd Ali Ismail

Akhirnya Parlimen meluluskan juga Akta (Pindaan) Pertubuhan 1981 walaupun terdapat bantahan dan rayuan dari pertubuhan-pertubuhan dan orang ramai. Pindaan ini adalah merupakan satu dari pindaan-pindaan yang sering dilakukan oleh kerajaan terhadap undang-undang negara sejak beberapa tahun yang lalu.

Sembilan belas buah pertubuhan yang telah menghantar memorandum kepada YAB Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, Pemangku Perdana Menteri mensifatkan pindaan itu 'dibuat secara tergesa-gesa . . . merupakan satu lagi langkah bagi menghadkan kebebasan perseorangan dan pertubuhan dan merupakan momokan terhadap hak asasi manusia dan proses demokrasi di negara ini."

Pemerhati-pemerhati mensifatkan pindaan ini adalah satu usaha kerajaan untuk mengurangkan kritikan-kritikan awam terhadap dasar kerajaan yang semakin hebat sejak akhir-akhir ini. Kerajaan nampaknya hanya bersedia menerima pandangan-pandangan yang bersifat kritikan ke atas dasar-dasarnya dari parti-parti politik sahaja. Dari satu segi ini seakan-akan merupakan usaha untuk mengesahkan "siapa kawan dan siapa lawan".

Apabila diteliti, pindaan akta ini cuba mendefinasikan dan mengariskan semula pertubuhan-pertubuhan dalam lingkongan yang sangat rapi. Ia pada keseluruhannya meliputi perkara berikut:

* Mana-mana pertubuhan yang cuba mempengaruhi dasar kerajaan dalam apa cara sekali pun (seperti membuat ulasan atas dasar kerajaan kepada masyarakat) akan didefinasikan sebagai pertubuhan politik.
* Pendaftar boleh menggantung mana-mana pertubuhan yang pada hematnya melibatkan diri dalam politik.
* Badan-badan politik tidak akan diizin mengadakan hubungan dengan badan-badan di luar negeri sama ada melalui hubungan atau gabungan. Mereka juga tidak dibenarkan untuk menerima sumber kewangan dari luar negeri.
* Pendaftar pertubuhan boleh mengarahkan pertubuhan bukan politik menghentikan mana-mana ahli jawatankuasa atau penasihatnya.
* Rayuan yang dibuat bersabit dengan perintah pendaftar hendaklah dibuat kepada Menteri Dalan Negeri. Keputusan atas rayuan itu adalah muktamad dan tidak boleh dirayu ke mahkamah.
* Penjenayah yang telah mengalami hukuman tidak boleh memegang apa-apa jawatan dalam pertubuhan.



Datuk Harun tidak boleh memegang jawatan dalam UMNO selama 5 tahun?

Implikasi kepada pindaan ini dapat menimbulkan kesan yang besar. Kira-kira dua tahun yang lalu satu langkah yang hampir sama telah dikenakan ke atas kakitangan akademik di universiti dan kesatuan sekerja tetapi ia telah dilonggarkan sedikit berikutan dengan bantahan dan rayuan yang dibuat. Keadaan ini seakan-akan mengesahkan dakwaan dari kalangan tertentu yang mengatakan demokrasi di Malaysia hari ini menjadi semakin sempit.

Kebimbangan ini bukan hanya disuarakan oleh orang-orang di luar parti pemerintah sahaja. Datuk Senu Abdul Rahman, ahli Parlimen Barisan Nasional dari Kuala Kedah umpamanya menimbulkan kebimbangan yang sama. Katanya Akta Keselamatan Dalam Negeri dan akta lain sudah cukup bagi kerajaan untuk mengawal kegiatan yang tidak diingini. Beliau telah meminta kerajaan supaya meminda fasal-fasal tertentu dan ini katanya akan meninggikan lagi maruah kerajaan dan negara.

Majlis Peguam Malaysia telah mengemukakan sebuah memorandum kepada Perdana Menteri memohon supaya pindaan itu dikaji semula. Menurutnya pindaan ini adalah bertentangan dengan fasal 10 Perlembagaan Malaysia yang menjamin kebebasan bercakap dan berpersatuan. Ia juga telah meletakkan kedudukan mahkamah dalam keadaan yang bercanggah dengan keluhurannya. Mahkamah tidak lagi memainkan peranannya sebagai badan kehakiman yang tertinggi untuk memberikan keputusan dalam pertelingkahan yang bersabit dari kesalahan melanggar, pertelingkahan dan kekeliruan terhadap undang-undang.

Menteri Dalam Negeri Tan Sri Ghazali Shafie ketika mempertahanan pindaan ini mengatakan bahawa ianya hanyalah untuk mendefinasikan pertubuhan sama ada ia sebuah pertubuhan politik atau pertubuhan persahabatan. Di samping itu katanya pindaan ini juga hendak 'memastikan pertubuhan mematuhi Perlembagaan seperti mana yang dikehendaki oleh Rukunegara" dan 'memastikan ia tidak dipimpin oleh seorang yang tidak siuman, penjenayah dan seorang yang bankrap".

Tetapi yang meragukan dari pindaan itu ialah kuasa yang luas diberikan kepada Pendaftar Pertubuhan dan kuasa muktamad di tangan menteri bukannya mahkamah atas perkara-perkara rayuan. Ini menimbulkan persoalan atas kewibawaan sistem demokrasi itu sendiri. Apakah peranan yang harus dimainkan oleh rakyat dalam sistem demokrasi?

Di samping hak untuk mengundi yang barangkali hanya ada dalam lima tahun sekali rakyat mestilah juga diberikan hak untuk melibatkan diri dan menyatakan perasaan apabila keadaan memerlukan. Sekurang-kurangnya apabila ada hak untuk menyokong maka mestilah ada pula hak untuk membangkang. Dan ia tidaklah semata-mata harus datang dari pertubuhan politik. Maka apabila ada halangan kepada kebebasan itu ia lebih merupakan halangan kepada rakyat untuk melaksanakan tanggungjawabnya.

Kerajaan nampaknya berfikir jika rakyat ingin mengulas atas dasar-dasar kerajaan ia mestilah menyertai parti politik. Nampaknya ia tidak bersedia untuk menerima pandangan dari orang-orang yang berada di atas pagar. Implikasi dari sikap ini kerajaan mungkin beranggapan bahawa golongan orang yang cuba mengambil berat atas isu-isu masyarakat lebih merupakan ancaman kepada masyarakat daripada memberi sumbangan kepada masyarakat. Jika sekiranya andaian ini benar ia mungkin merupakan tindakan anti-intelektualisma. Bagaimana pun hanya masa sahajalah yang menentukan.

Apa yang jelas dari pindaan ini ialah usaha untuk memastikan supaya *pressure group* dan golongan berkepentingan dalam politik Malaysia tidak mempunyai peluang untuk melaksanakan tekanan tertentu. Kumpulan-kumpulan ini sebenarnya ada yang memberi sumbangan positif kepada masyarakat Malaysia. Antaranya termasuklah

Chandra Muzaffar, presiden ALIRAN

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

Persatuan Pengguna Pulau Pinang yang telah menganjurkan seminar pengguna dan pembangunan negara yang telah menyuarakan tentangan yang lantang kepada inflasi. Satu seminar lain mengenai rasuah anjuran Aliran telah juga diadakan.

Antara pertubuhan lain yang popular di Malaysia kini ialah ABIM (Angkatan Belia Islam Malaysia) dan Aliran. ABIM yang mempunyai ahli kira-kira 40,000 orang sering dianggap oleh pihak tertentu sebagai sayap tidak resmi Parti Islam Sa-Malaysia (PAS). Tetapi apa yang lebih membimbangkan ialah keupayaan ABIM menarik sokongan besar pemuda-pemudi Melayu di luar bandar yang selama ini merupakan kawasan kekuasaan UMNO. Ada anggapan mengatakan ABIM akan menjelmakan dirinya sebagai tenaga politik apabila masanya tiba. Baru-baru ini ia telah diarahkan supaya memutuskan hubungan dengan badan gabungan di luar negeri.

Sementara Aliran pula yang kini berada dalam kedudukan seperti telor hujung tanduk akibat dari surat Kementerian Dalam Negeri supaya menyatakan alasan mengapa pendaftarannya tidak harus dibatalkan. Aliran menerima nasib itu disebabkan oleh kritikan-kritikannya atas kenaikan elaun menteri dan ahli Parlimen satu masa dulu. Ia juga mungkin disebabkan oleh penerbitan buku *Protector?* oleh Chandra Muzaffar yang juga presiden Aliran. Buku ini mengkritik beberapa sikap-sikap buruk feudal dan cuba mengesan amalannya dalam kerajaan hari ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Encik Sanusi Junid yang memainkan peranan sebagai *Tok Sidang* kepada Akta (Pindaan) Pertubuhan 1981 ini nampak mengambil pendirian yang lebih popular. Kehebatan En. Sanusi tentulah tidak dipertikaikan lebih-lebih lagi bagi sesiapa yang masih ingat bahawa pada satu masa dahulu beliau pernah berkempen menjual saham Syarikat Shamelinnya di pusat-pusat pengajian tinggi. Menurut beliau kumpulan yang menentang itu hanyalah dari kumpulan kecil sahaja.

'Undang-undang dibuat di Parlimen, bukan di tepi jalan atau oleh akhbar-akhbar seperti *Watan, The Star* dan *Tamil Malar*. Sudah sampai masanya pindaan ini dibuat kerana para peguam sendiri pun tidak memahami sepenuhnya undang-undang negara. ' katanya.

Bagaimana pun tujuan kepada pindaan itu tidaklah pernah dinyatakan dengan jelas melainkan "jika seseorang ingin bermain bolasepak ia mestilah mengikut undang-undang bolasepak". Hak-hak dan kewajipan penonton . permainan tidak pernah dijelaskan. Apabila satu perwakilan dari 48 buah pertubuhan pergi untuk berjumpa dengan Menteri Dalam Negeri, Menteri berkenaan telah tidak hadir untuk mendengar sendiri pandangan mereka. Beliau mendakwa kemudiannya bahawa perwakilan itu diam sahaja. Menurut ketua perwakilan itu mereka tidaklah berdiam sahaja. Sebaliknya mereka telah mengemukakan pandangan mereka.

Sdr. Anwar Ibrahim, presiden ABIM

Persoalannya kini ialah

* Mengapa hak untuk merayu ke mahkamah dimansuhkan.
* Mengapa perlu diadakan satu definasi baru untuk pertubuhan politik.
* Mengapa kuasa yang begitu luar biasa diberi kepada Pendaftar Pertubuhan yang hanya seorang pegawai kerajaan di Kementerian Dalam Negeri.
* Mengapa orang yang telah dihukum penjara dihukum lagi melalui pindaan akta ini.

Kini, oleh kerana pindaan ini telah menjadi undang-undang maka ia akan dikuatkuasakan. Sekali lagi rakyat Malaysia mengalami hak demokrasi terhakis melalui proses demokrasi itu sendiri. NI

UTUSAN KONSUMER

Adakah peranannya terancam?

PEKERJA LOMBONG DITIMPA MALANG

Suria Hamid

Kemalangan di lombong, seperti baru-baru berlaku di Puchong, Selangor dan Kampar Perak dapat dielakkan. Kejadian ini tidak merupakan kejadian alam yang tidak dapat dielakkan. Ini adalah pendapat beberapa jurutera, pakar sains tanah dan sains bumi (geologi).

Menurut mereka, kebanyakan keruntuhan tanah di lombong dapat dielakkan jikalau tindakan-tindakan yang perlu diambil terlebih dahulu oleh pemilik dan pengusaha lombong berkenaan bagi mengawal gerakan tanah untuk menjaminkan keselamatan.

Kajian-kajian dapat membuktikan bahawa kemungkinan keruntuhan tanah akan berlaku di lombong-lombong boleh dijangka jikalau kajian-kajian terhadap gerakan tanah dibuat terlebih dahulu. Langkah-langkah yang wajar harus diambil bagi menjaminkan perairan yang memuaskan jika hujan lebat berlaku. Jika tindakan-tindakan sepadan umpama ini dilaksanakan, kemalangan dan kematian di lombong dapat dielakkan.

Tanggungjawab

Soal-soal yang timbul dalam hal ini adalah seperti berikut: Apakah pemilik dan pengusaha lombong sanggup membiayai pakar-pakar untuk mengkaji keadaan sebenar serta membiayai tindakan-tindakan yang perlu untuk menjaminkan keselamatan yang dicadangkan oleh kajian-kajian ini, misalnya dari segi asas lombong, keteguhan tanah dan sebagainya?

Di samping itu, bolehkah keselamatan sebuah lombong itu dijamin apabila ianya digali semula? Apakah Jabatan Tanah dan Lombong sanggup menjaminkan bahawa pengusaha lombong mematuhi peraturan-peraturan bagi menjaminkan keselamatan di lombong-lombong itu?

Lombong di Kampung Kandan (Puchong) terletak hanya dua batu dari Sungai Kuyuh di mana kemalangan pada Disember 1976 telah mengorbankan sembilan nyawa. Apa terjadi kepada siasatan terhadap tragedi Sungai Kuyuh itu? Apakah Suruhanjaya Penyiasatan telah ditubuhkan bagi menyiasat peristiwa itu?

Sebelum itu, pada 1974, banjir di lombong Chang Poh di Ipoh telah mengakibatkan keruntuhan tanah. Siasatan resmi telah berlaku seterusnya tetapi hasil dari kajian itu belum diumumkan setakat ini.

Mengikut angka-angka resmi, lebih kurang 1000 kemalangan berlaku di lombong-lombong setiap tahun, sedangkan lebih kurang 50 nyawa terkorban setiap tahun.

Pada November 1979, keruntuhan tanah telah mengakibatkan kematian 25 orang di kelinik Kuala Balah yang digunakan sebagai pusat kecemasan banjir. Pada Mei 1980, dua orang terkorban akibat dari keruntuhan tanah di Kuala Lumpur. Lombong berkenaan telah diluluskan dari segi keselamatan hanya hari sebelumnya oleh Jabatan Lombong.



Penggalian Semula

Mengikut pemerhati, kebanyakan keruntuhan tanah di lombong berlaku di tempat-tempat yang digali buat kali kedua atau ketiga. Asas bumi di lombong-lombong memerlukan tempoh yang panjang sebelum menjadi kukuh semula. Oleh itu, keruntuhan tanah sering berlaku di kawasan-kawasan perlombongan dan amalan penggalian semula adalah amat merbahaya.

Biasanya, galian pertama dilakukan dengan kapal korek. Tetapi sistem penggalian ini kurang cekap. Apabila pengusaha sistem pam mendapati lombong-lombong yang telah digali yang masih mempunyai banyak bijih timah, mereka akan menggali semula lombong itu dengan menggunakan pekerja kontrek.

Pekerja-pekerja lombong, terutama sekali mereka yang bertugas di asas lombong berkenaan, sering menjadi mangsa keruntuhan tanah ini kerana mereka tidak mungkin dapat menyelamatkan diri dalam tempoh yang singkat setelah keruntuhan tanah bermula. Oleh kerana keuntungan yang lumayan masih dapat diperolehi dan pekerja kontrek tidak sukar didapati, amalan penggalian semula berterusan. Kadangkala, mereka terus bekerja sampai larut malam.

Perumahan Merbahaya

Soalan lain yang berkaitan ialah issue perumahan. Patutkah orang ramai diizinkan mendirikan rumah di kawasan lombong di mana tanah masih belum kukuh? Apakah kajian pernah dibuat bagi menjaminkan bahawa kawasan-kawasan ini adalah selamat bagi penghuninya?

Masalah ini adalah amat serius memandangkan bahawa orang miskin yang tidak bertanah sering menjadi setinggan di kawasan-kawasan seumpama ini. Beribu-ribu penghuni kawasan lombong duduk dalam keadaan yang amat membahaya.

Di Kampar, Perak, terdapat sebuah kampung yang sedang ditenggelami air setelah penghuni kampong baru berkenaan telah dipindahkan oleh Majlis Daerah Tempatan kepada kawasan bekas lombong bijih timah.

Tragedi Kampung Kandan boleh berulang di kawasan-kawasan lombong yang lain jika penghuni-penghuni kawasan lombong ini tidak memperolehi perumahan yang lebih *selamat*.

Mengikut seorang penduduk Sungai Kuyuh, keruntuhan tanah telah berlaku di sana oleh kerana syarikat perlombongan telah mengalih sungai di kawasan itu ke arah lain oleh kerana ada kemungkinan bahawa lombong itu akan dibanjiri semasa musim hujan. Untuk mengalih sungai itu ke arah lain, syarikat perlombongan itu telah mengorek dan memindahkan banyak tanah dan ini pula telah menjejaskan keteguhan tanah di kawasan itu.

Keadaan alam, terutama sekali cuaca, hanya dapat memperburukkan masalah-masalah yang disebabkan oleh manusia. Keruntuhan tanah tidak dapat disebabkan oleh faktor-faktor alam tanpa penglibatan manusia.

Pendapatan Berkurangan

Mengikut Rancangan Malaysia Keempat, harga timah di pasaran dunia telah meningkat dari $15075 seton metrik pada 1975 ke $35717 pada 1980, sedangkan daya pengeluaran pekerja lombong telah meningkat sebanyak 8.6% setahun dalam tempoh itu, iaitu kadar kenaikan daya pengeluaran yang paling tinggi.

Tetapi dalam jangkamasa yang sama, peratus pekerja lombong di bawah garis kemiskinan telah meningkat dari 31.8% pada 1975 ke 34.0% pada 1980! Pekerja lombong tidak hanya mengalami pendapatan yang berkurangan (sedangkan keuntungan bagi pemilik lombong berlipat ganda) tetapi juga menghadapi keadaan kerja yang amat merbahaya.

NI

siri kartun~sambungan dari bulan lepas

AL-KISAH KAPITALISME

PENENTANGAN AFRIKA.

BAGAIMANA PUN SETELAH 400 TAHUN DALAM PERHAMBAAN, AFRIKA SUDAH BERPECAH DAN SENANG DI TEMBUSI.

SAUDAGAR-SAUDAGAR EROPAH MENYEKAT PENGUSAHA-PENGUSAHA AFRIKA DARI MENGUJUDKAN PERUSAHAAN MEREKA SENDIRI. OLEH KERANA KELEBIHAN TEKNOLOGI, SENJATA SAUDAGAR-SAUDAGAR EROPAH, MEREKA MENANG DALAM SETIAP PERTEMPURAN.

KEBERANIAN DAN KEPAHLAWANAN RAKYAT AFRIKA TERUS MENENTANG PENJAJAHAN DENGAN KERAS.

SUKU KAUM METABELA DAN MASHONA BERTEMPUR UNTUK MENENTANG PENJAJAHAN DARI 1893-1897 SUKU IBOS JUGA IKUT SERTA DARI 1900

SEKURANG-KURANG 24,000 ORANG TERKORBAN DALAM PERTEMPURAN DI SUDAN. SATU PERTEMPURAN SENGIT BERLAKU PADA 1887 DIMANA KAUM ZULU DI KALAHKAN. BURUNDI PULA DITEWASKAN DI ANTARA 1881-1898.

SUKU KAUM KILWA MEMBERONTAK ANTARA 1905-1906 DAN MENGORBAN 120,000 ORANG. KAUM HEREO MEMPERTAHAN DIRI ANTARA 1901-1906. DI CHAD PULA 60,000 ORANG TELAH GUGUR KERANA MENENTANG PADA 1900.

DI CAMEROON, KAUM YAONDE BERPERANG PADA 1896. DI GUINEA, PERGERAKAN RAKYAT TIDAK DAPAT DI PATAHKAN SEHINGGA 1936. PEMBERONTAKAN DI BOTSWANA BERLAKU PADA 1896. MESIR DI KALAHKAN PADA 1882. TENTANGAN DI GHANA, MALI DAN SONGHAI PULA TAHAN SELAMA 20 TAHUN SEBELUM DIPATAHKAN, DLL.... SUNGGUH PUN BEGITU, API PENENTANGAN MENINGGALKAN BARA YANG TIDAK DAPAT DI PADAMKAN.



AFRIKA 1882



SYARIKAT-SYARIKAT DI BENARKAN MENAKLUKI SEBERAPA BANYAK TANAH JAJAHAN YANG DI INGINI.

PERSAINGAN SANGAT HEBAT. BIASANYA BEBERAPA BUAH SYARIKAT MENGINGINKAN WILAYAH YANG SAMA...

AFRIKA 1914



---SYARIKAT-SYARIKAT MESTI MENGIKUTI KAEDAH YANG SERUPA. KERAJAAN-KERAJAAN MEREKA MASING-MASING MEMBANTU MEREKA DALAM PERKARA INI. DI EROPAH PARA DIPLOMAT DARI BERBAGAI NEGARA BERKUMPUL UNTUK MEMBAHAGIKAN AFRIKA.

SEMPADAN DI LUKIS DAN TERBAHAGILAH AFRIKA KEPADA BEBERAPA BUAH TANAH JAJAHAN.

• sambung bulan depan

JEPUN DAN ASIA TENGGARA SETELAH LAWATAN SUZUKI

Takahashi Yoko **Diterjemahkan oleh Johari Ismail**

Sebelum lawatan Perdana Menteri Jepun Zenko Suzuki ke negara-negara ASEAN, ada pegawai-pegawai kanan Jepun, terutama sekali dari Kementerian Luar, yang telah mengesyorkan supaya beliau pergi dahulu ke Amerika Syarikat memandangkan pemerintahan baru Presiden Ronald Reagan.

Walaubagaimana pun, akibat dari usaha-usaha Ketua Setiausaha Kabinet Jepun, Miyazawa Kiichi, keputusan telah dicapai bahawa lawatan negara-negara ASEAN patut merupakan tindakan diplomatik yang pertama bagi kerajaan Jepun baru di bawah pimpinan Suzuki.

Keputusan ini seolah-olah mengiktirafkan peranan penting Jepun dalam usaha pertahanan *dunia bebas*. Dengan penglibatan yang lebih mendalam dalam politik dan ekonomi negara-negara ASEAN, Jepun ingin menyekat pengembangan pengaruh Vietnam dan Soviet di dalam rantau tersebut. Penglibatan ini juga akan dapat mengeratkan hubungan negara-negara ASEAN dengan China.

Maka, usaha Jepun ialah untuk melibatkan negara-negara ASEAN di bawah payung politik Amerika Syarikat-Jepun—China.

Lawatan Suzuki membuktikan peralihan dalam polisi Jepun yang kini mengutamakan negara-negara ASEAN; kestabilan politik Asia Tenggara menjadi *asas* kestabilan Jepun sendiri!

Juga telah dijangka bahawa langkah-langkah ini akan menawan hati pentadbiran Reagan supaya Jepun dapat mengelakkan penambahan kuasa ketenteraannya yang dihendaki oleh Amerika Syarikat.

Suzuki dan Menteri Luar beliau, Masayoshi Ito yang mengiringi beliau dalam lawatan ke negara-negara ASEAN, telah berulangkali menyatakan pentingnya diwujudkan hubungan yang lebih rapat di antara ASEAN dengan China. Beliau telah menyatakan bahawa 'usaha-usaha modenisasi China bukanlah yang berbentuk ketenteraan dan oleh yang demikian tidak akan mengancam kepentingan-kepentingan ASEAN."

Tambahan lagi, pada 20 Januari 1981, sebelum kembalinya Perdana Menteri Jepun itu dari lawatan ke negara-negara ASEAN, pegawai-pegawai kanan di dalam Kementerian Luar Negeri Jepun telah menjemput duta China ke kementerian tersebut dengan tujuan untuk memberi taklimat tentang lawatan Suzuki itu dan bagi menegaskan tentang kekhuatiran pemimpin-pemimpin ASEAN terhadap sokongan China kepada pergerakan-pergerakan yang menentang kerajaan di negeri-negeri anggota ASEAN. Sepanjang lawatan tersebut, Suzuki telah mengkritik pencerobohan tentera Vietnam di Kampuchea dan cuba mendapat sokongan dengan mengesyorkan penyelesaian secara aman kepada masalah di Kampuchea itu. Suzuki telah menjanjikan bahawa sekiranya Jepun mengambil tindakan terhadap pembekuan pinjaman Jepun kepada Vietnam sejak tahun 1979, beliau akan memberitahu ASEAN terlebih dahulu.

Berkenaan dengan masalah Kampuchea pula, Suzuki hanya berkata bahawa Jepun akan meminta



LAWATAN SUZUKI KE NEGERI-NEGERI ASEAN, JAN. 1980



Melawat pusat latihan Jepun-Singapura

Bangsa-Bangsa Bersatu supaya mengadakan persidangan antarabangsa secepat mungkin untuk menyelesaikan masalah tersebut. Beliau juga telah berkata bahawa Jepun berharap supaya ada perwakilan dari pihak ketiga, sama ada Pengerusi Barisan Pembebasan Kebangsaan Khmer, Son San atau Putera Sihanouk.

Memperluaskan lagi pengaruh Jepun di rantau ASEAN telah menjadi strategi Jepun sejak lawatan bekas Perdana Menterinya, Tanaka pada tahun 1974 dan Fukuda pada tahun 1977. Jepun banyak bergantung kepada rantau ASEAN untuk keperluan bahan-bahan mentahnya; 99% untuk gas asli, 98.5% timah, 47% nikel, 38.8% tembaga, 27.5% bauxite, dan 15.8% minyak mentah.

Pada tahun 1979 sahaja, Jepun telah mengimpot barang-barang ini dari ASEAN yang berjumlah sebanyak $36 billion.

Dalam tahun yang sama juga, eksport Jepun ke negara-negara ASEAN berjumlah $20 billion (iaitu 20.5% dari jumlah impot ASEAN).

Di samping peranan ASEAN sebagai pasaran bahan/barangan, Jepun juga menekankan kerjasama ASEAN demi *pertahanan* Selat Melaka yang merupakan laluan penting bagi perdagangan minyak ke negara tersebut. Walaubagaimana pun, perkara ini telah disembunyikan dengan teliti oleh Suzuki dalam kenyataan dan tindakan beliau semasa lawatan tersebut.

Suzuki telah berkali-kali menegaskan tiga prinsip dalam lawatannya, iaitu: (1) Jepun akan menghormati beberapa prinsip piagam Bangsa-Bangsa Bersatu, terutama sekali yang berkenaan dengan kedaulatan wilayah dan negara; (2) tidak akan menggunakan kuasa ketenteraan, dan (3) menyokong prinsip tidak campurtangan dalam hal ehwal dalam negeri sesebuah negara. Beliau telah menegaskan bahawa "Jepun tidak akan menjadi sebuah kuasa ketenteraan."

Berkenaan dengan pinjaman tambahan kepada negara-negara ASEAN, sebanyak 240 billion yen yang telah diluluskan, Suzuki telah berjanji bahawa Jepun akan bekerjasama dalam lapangan-lapangan berikut: (1) pengeluaran makanan; (2) tenaga; (3) pemindahan teknikal dari Jepun ke ASEAN bagi mewujudkan industri kecil atau sederhana, dan (4) pembangunan tenaga manusia.

Walaupun tindakan-tindakan beliau ini boleh dipuji, tetapi ianya tidak dapat menghapuskan keraguan yang timbul di kalangan rakyat ASEAN mengenai pemulihan kuasa ketenteraan Jepun. Pendekatan Suzuki ini adalah bagi mengelakkan tekanan daripada Reagan supaya Jepun menambah kuasa ketenteraannya dengan berlebihan semasa Suzuki melawat Amerika Syarikat kemudian.

Sungguhpun demikian, Suzuki setia kepada kepentingan para pemodal Jepun.

Polisi yang berpendapat bahawa Jepun mesti menyusun semula struktur industrinya jika ianya ingin terus maju dalam tahun 80an dengan menumpukan perhatian kepada bidang penerbangan (aerospace), kuasa nuklear dan perusahaan elektronik. Polisi tersebut mengharapkan juga bahawa dalam masa yang sama, Jepun dapat memindahkan industri dengan daya pengeluaran yang rendah ke kawasan-kawasan intensif buruh di seberang laut, terutamanya di Asia Tenggara.

Usaha ke arah perjanjian perlindungan modal di antara Jepun dengan negara-negara Asia Tenggara adalah satu aspek strategi tersebut. Perjanjian ini bertujuan untuk melindungi hak milik Jepun di luar negeri dari sebarang *perampasan* atau kegendalaan dengan "ganti-rugi yang berpatutan".

Walaubagaimana pun, perjanjian perlindungan penanaman modal ini belum lagi diadakan dengan sebarang negara setakat ini.

Presiden Suharto dari Indonesia juga tidak menerima permintaan Jepun supaya menambahkan jumlah expot minyak Indonesia kepadanya sebanyak 190,000 tong sehari dengan serta-merta. Mengikut beliau, "keadaan inflasi telah melemahkan negara-negara maju, yang kemudiannya telah mengenakan berbagai-bagai tekanan terhadap negara-negara yang sedang membangun untuk mendapat apa yang dikehendaki mereka. Hanya satu perkara sahaja yang akan dapat menyelesaikan masalah seperti ini, iaitu dengan membina satu sistem yang membolehkan negara-negara sedang membangun untuk memajukan kemampuan mereka secara bersama, dengan kata lain, dengan mewujudkan satu susunan ekonomi baru".

Presiden Suharto telah cuba merayu kepada Jepun supaya memaha-

mi pengecualian ASEAN dan juga tujuan tuntutan-tuntutan negara-negara sedang membangun. Hanya Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew telah menyetujui strategi Jepun itu.

Reaksi dari rakyat di negeri-negeri ASEAN kepada lawatan Suzuki berbeza dari apa yang telah diharapkan oleh kerajaan Jepun. Suzuki tidak disambut dengan demonstrasi seperti semasa lawatan Tanaka ke Jakarta dalam tahun 1974. Walaubagaimana pun, kali ini, kira-kira 3,000 orang anggota tentera lengkap dengan kereta-kereta kebal dan kereta-kereta perisai — telah dikumpulkan di Jakarta beberapa hari sebelum lawatan Suzuki ke Indonesia bagi menakut-nakutkan bakal penunjuk perasaan anti-Jepun.

Walau pun demikian, beberapa risalah yang mengecam Jepun telah diedarkan di Indonesia dan lain-lain negara ASEAN yang dilawatinya. Dalam sidang-sidang akhbar sempe-

na lawatan beliau, secara tidak langsung Suzuki telah mengakui bantahan-bantahan terhadap ekspot pencemaran alam, eksploitasi tenaga pekerja murah, pencemaran alam semula jadi dan *kunjungan pelacuran* di negara-negara ASEAN oleh Jepun.

Kerajaan Jepun pernah mendedahkan niatnya untuk memajukan kuasa ketenteraannya di perairan Asia, walaupun Jepun telah berikrar tidak akan menjadi sebuah kuasa tentera. Bukti ini dapat dilihat apabila Tentera Pertahan Diri Jepun mengambil bahagian dalam latihan RIMPAC bersama Amerika Syarikat pada bulan Mac tahun lepas.

Ketua Tentera Jepun Takeda juga pernah mengakui dalam bulan Februari lalu bahawa sekarang bukan hanya masa untuk pertahan sahaja bagi Jepun. . .!

Oleh yang demikian, Perbezaan di antara kenyataan-kenyataan ini dengan apa yang telah diakui oleh Suzuki kepada ASEAN sudah pasti akan mengujudkan keraguan. Di bawah permukaan, perhubungan Jepun dengan ASEAN buat masa ini bolehlah dianggap sebagai tidak stabil. Jepun mungkin menganggap bahawa ianya telah dapat menguasai ASEAN, tetapi bukankah peranan telah dipaksa oleh pihak yang ketiga, iaitu Amerika Syarikat?

NI

PERLUCUTAN SENJATA: TIDAK BOLEH DITANGGUHKAN LAGI

Wan A. Manan, (New York)

Pergolakan dunia akhir-akhir ini telah melahirkan berbagai perbahasan baru tentang ke arah mana masa depan dunia dan manusia. Perlucutan senjata atau *disarmament* adalah tajuk yang kian hangat diperbincangkan, baik di Bangsa-Bangsa Bersatu, mahu pun di kalangan cerdik pandai atau orang umum yang merasa perlumbaan pengumpulan senjata sedang mengancam dunia dan umat manusia.

Apa yang ingin dikedepankan di sini ialah gambaran ringkas tentang keadaan persenjataan dan mengapa perlucutan senjata patut dititikberatkan.

Sepatutnya pemerintah dan ketua-ketua negaralah yang harus mengambil berat soal perlucutan senjata ini untuk menyelamatkan masa depan manusia dan dunia. Tapi sebagai salah seorang penghuni planet ini, rasanya kita pun punya suara dan kebebasan untuk sama menelaah dan menyuarakan pendapat terhadap perlucutan senjata supaya dunia lebih sesuai untuk didiami oleh kita dan anak cucu kita.

Jadi apakah rasional di sebalik perlucutan senjata ini? Kita memang tahu yang sekarang ini kedua-dua negara maju dan negara membangun menguntukkan sebahagian makin besar dari belanjawan tahunan untuk pertahanan, atau lebih tepat, untuk menimbunkan senjata.

Untuk apakah semua ini? Senjata, nyata sekali untuk pertempuran atau peperangan, sama ada dalam negeri atau antara negeri. Sifat bersedia untuk berperang atau menyerang sudah menjadi tradisi pertahanan kebanyakan negara. Tapi memandangkan kekuatan dan bahaya senjata nuklear hari ini, sifat begini tentu sekali menakutkan dan menggerunkan.

Pastinya, kita pernah membaca atau menonton atau juga mendengar cerita-cerita dan dokumen-dokumen tentang akibat dan penderitaan yang dialami semasa Perang Dunia Kedua dulu. Seharus-



Kalah jadi abu menang jadi arang

nya pengalaman itu telah mengajar dan memberi tauladan kepada kita bagaimana peperangan bisa menjerumuskan manusia ke satu perkembangan yang paling membahayakan baik kepada nyawa manusia dan juga alam sekitar.

Pembangunan Lawan Pengumpulan Senjata

Perlucutan senjata adalah satu perkembangan baru yang cuba memenangi pihak-pihak yang selama ini lalai dengan bilangan roket (*missile*) nuklear mereka — satu kejayaan teknologi yang mempunyai unsur-unsur negatif terhadap masa depan manusia. Sejarah memang telah membuktikan yang kuasa militer boleh menakluki tanah jajahan, tapi tidak hati dan perasaan manusia. Kuasa-kuasa itu pun punya batasannya juga; bagaimana kuat sekali pun, ia tidak bisa menawan jiwa manusia yang senantiasa sedar akibat penyalahgunaan kuasa militer.

Kita sering dinyanyikan dengan lagu-lagu *pembangunan*, tapi lagu-lagu itu lenyap di tengah-tengah kelahiran gergasi persenjataan. Kenyataan memang menyedihkan, rancangan-rancangan pembangunan sering lumpuh kerana kurang penyertaan atau penekanan oleh pihak yang sepatutnya meluahkan masa dan tenaga mereka.

Berapa ramai manusia yang hidupnya diselubungi kemiskinan dan kepapanan dan berapa ramai yang akan mati tanpa sebab. Sekarang bilangan yang dirundung kemiskinan dianggarkan senarai 780 juta orang, hampir satu dari lima yang menghuni muka bumi ini, dan angka ini kian bertambah untuk tahun-tahun akan datang.

Menurut Bank Dunia, kebanyakan negara membangun akan mengalami kesukaran untuk memelihara kesetabilan politik mereka akibat wabak kemiskinan dan kemelaratan. Apa yang dapat dirumuskan di sini ialah Dekad Kedua Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu akan melihatkan lebih banyak kesengsaraan penduduk dan kelulu-han sosial.

Dalam pada itu, jumlah belanjawan untuk senjata meningkat dari AS$180 bilion pada tahun 1970 kepada AS$500 bilion pada tahun 1980. Akibatnya adalah pertambahan kemiskinan, krisis ekonomi, keruntuhan sosial dan ketidakstabilan politik dunia. Dari sini, nyatalah perkembangan menuju ke arah membina tembok *pertahanan negara* yang lebih besar akan menambahkan lagi akibat-akibat negatif yang disebut di atas.

Tentunya kesedaran sentiasa ada di kalangan mereka yang merasa

pengumpulan senjata tidak banyak menyelesaikan masalah-masalah asas kehidupan manusia. Pasti akan timbul satu pemikiran dan pergerakan baru yang akan memerlukan kecendiakawanan mereka yang ingin melihat pertumbuhan budaya harmonis dan penyambungan hidup untuk keturunan akan datang.

Tahun tujuh puluhan telah banyak memberi tauladan bagi kita akan ketidakpentingan kuasa militer besar ke arah menyelesaikan problem-problem keperluan sosial manusia, terutama tentang bertambah meluasnya jurang perbezaan antara yang kaya dan yang miskin di dunia.

Penyalahgunaan bahan-bahan mentah dunia, iaitu antara keperluan asas dan penampungan kuasa mungkin berulang lagi dan akan berlanjutan. Belanjawan senjata sekarang ini melebihi pendapatan 2 bilion penduduk dunia, iaitu jumlah penghuni 37 negara Dunia Ketiga dan Republik Rakyat China. Mengikut anggaran sekarang, belanjawan militer dunia akan meningkat kepada AS$600 bilion setahun.

Berdasarkan harga pasaran sekarang, ini bermakna lebih kurang AS$2 bilion sehari akan dibelanjakan untuk senjata. Jika dipuratakan, negara-negara utara (termasuk blok Soviet) membelanjakan kira-kira AS$365 bagi setiap orang warganegaranya untuk senjata, satu angka yang jauh lebih tinggi dari pendapatan tahunan penduduk-penduduk di negeri-negeri miskin. Perbelanjaan mereka dengan tujuan jahanam ini lebih banyak dari berbilion rakyat miskin dunia yang hanya ingin terus hidup.

Di negara membangun juga, mereka terikut-ikut dengan perkembangan di negara maju dalam pembinaan kuasa militernya. Belanjawan untuk senjata di negara-negara membangun adalah lebih kurang AS$30 bagi setiap orang penduduknya, yang biasanya jauh lebih tinggi dari belanjawan yang disalurkan kepada bidang yang lebih bermenafaat seperti pendidikan dan kesihatan. Itu juga bayaran imbangan sering kian buruk.

Masyarakat antarabangsa nyatalah telah gagal dalam pembangunan dunia tapi sebaliknya telah mengutamakan *keselamatan*. Heran juga mengapa keselamatan dari serangan luar atau dalam saja yang mendapat keutamaan dan tidak *keselamatan* dari celaka kemiskinan, serangan penyakit, keciciran, buta huruf dan saradiri manusia yang dipentingkan.

Antara jaguh-jaguh besar di medan perlumbaan binaan senjata ialah kedua kuasa agung — Amerika Syarikat dan Uni Soviet (CCCP) yang sentiasa bersaingan. Di tahun 1980 saja, kedua negara ini membelanjakan kira-kira 58% dari jumlah perbelanjaan militer dunia. Walau pun lebih dari ¾ dari belanjawan itu adalah untuk senjata-senjata konvensyenal, tapi tumpuan pada pembinaan senjata nuklearlah yang lagi membimbangkan penduduk dunia.

Mereka ini kononnya memperseimbangkan kedudukan kuasa senjata, tapi bisa melepaskan letupan bom nuklear pula bila-bila masa untuk menghancurkan bumi yang sudah serba keributan ini. Jumlah senjata nuklear berbagai jenis ukuran dan kuasa letupan sekarang ini melebihi 50,000 buah.

Kuasa letupan senjata-senjata ini sudah pun satu juta kali ganda lebih kuat dari bom yang dijatuhkan di Hiroshima dulu. Sebuah roket sekarang ini boleh memberi letupan 200 kali lebih dahsyat akibat kerosakan dari yang dialami di Hiroshima. Juga ia boleh meluncur 3,000 batu dalam masa kurang dari 30 minit.

Memandangkan keadaan begini, tentu sekali kita berada dalam dunia yang sangat merbahaya. Jikalah salah satu butang nuklear yang terletak di salah satu ibu negara yang mempunyai senjata nuklear dipetik, tentu sekali dalam beberapa minit saja kehidupan di dunia ini akan menemui ajalnya.

Kegilaan Kuasa Sudah Nyata

Segala rupa tragedi yang diterangkan di atas adalah akibat kegilaan atau kemabukan kuasa yang telah menguasai kewarasan. Bila kita sudah mampu membunuh semua penduduk dunia dengan satu letupan, apakah gunanya lagi untuk kita membina senjata yang dapat membunuh sepuluh kali ganda penduduk dunia?

Bukan itu saja, malah sekarang ini telah lahir satu budaya militer yang baru di mana teori-teori untuk kemusnahan dan kerosakan telah digelarkan *mutually assured des-*



truction, dengan nama pendek yang manasabah sekali iaitu *MAD*. MAD dijadikan satu doktrin untuk mengesahkan dan meninggikan lagi kuasa kemusnahan oleh senjata-senjata yang dibikin. Inilah satu kebutaan manusia dalam mengejar kemajuan teknologi tanpa perikemanusiaan di mana alasan sempit yang dipertahankan ialah keperluan kuasa nuklear militer untuk menjamini keselamatan yang diagung-agungkan itu.

Tapi kebenaran tentu sekali berlawanan dengan alasan nuklear di atas, malah ia bukan saja tidak menjaminkan keamanan, tapi mendekatkan kita lagi ke arah ketidaksamaan dan kemusnahan dunia. Bukan saja bertambah kompleks sistem senjata nuklear mengurangkan jaminan keselamatan, tapi bertambah kompleks sesuatu sistem itu, maka bertambah senanglah kesilapan berlaku yang bererti menggadaikan maya tumpangan segala makhluk ini.

Pada hakikatnya perlumbaan senjata nuklear sudah hilang rasionalitinya dan telah pun melahirkan satu gergasi malapetaka dunia yang hanya menunggu masa untuk bertindak mencari mangsa. Dalam perlumbaan senjata nuklear ini, kedua pihak boleh kalah tanpa pemenangnya seperti kata peribahasa Melayu *kalah jadi abu menang jadi arang.*

Perlumbaan Senjata/
Pembunuhan Diri

Bila kita renung-renungkan kembali, pastinya kita tertanya juga mengapa dunia membenarkan perlumbaan ini berleluasa? Tidakkah ketua-ketua negara yang terlibat pernah memikirkan soal masa depan kemanusiaan? Kenapa dasar *pembunuhan diri* begini diagungkan? Jawabnya mungkin sebab negara-negara ini telah mabuk dengan candu kuasa militer.

Segalanya telah terselindung di sebalik tabir yang dinamakan kuasa dan keselamatan. Dan di sebalik tabir ini, soal-soal kekurangan bahan mentah, kemelaratan sosial dan ekonomi rakyat dilupakan. Bak kata pepatah *melihat nyamuk di seberang lautan adalah lebih senang dari gajah di depan mata,* inilah sikap yang diambil oleh kebanyakan negara kerana ia menguntungkan kedudukan politik mereka yang berkuasa.

Perlucutan senjata sudah semestinya dapat memberi banyak implikasi positif terhadap pembangunan di negara-negara miskin. Tapi ini cumalah hujjah yang tidak pernah mendapat sokongan di kalangan mereka yang bergantung kepada senjata. Satu mirtas perbelanjaan militer ialah tentang pekerjaan yang disediakan dan pengeluaran alat-alat untuk diekspot bagi menjaminkan aktiviti ekonomi.



Apakah mereka perlukan — makanan atau senjata?

Keperluan militer memanglah sedang menampung pekerjaan kepada 100 juta penduduk dunia sekarang ini, tapi pengeluaran senjata tidaklah merupakan satu faktor bagi menambah bilangan pekerjaan. Mengikut sumber dari A.S.misalnya pada tahun 1975, perbelanjaan militerAS$1 bilion boleh menyediakan 76,000 pekerjaan, tapi kalau jumlah ini digunakan bagi program awam jumlah ini dapat menyediakan 100,000 pekerjaan.

Banyak sekali aspek-aspek negatif hasil dari perlumbaan membina senjata ini dapat dikedepankan; satu kajian ekonometrik telah mengesahkan yang belanjawan senjata berlebihan mengakibatkan kadar pertumbuhan yang negatif. Tapi pengurangan belanjawan

Negeri mereka mempunyai bom nuklear tetapi . . . .

militer, jika ditambahkan dengan pelaburan di bidang awam, dapat meninggikan kadar pertumbuhan.

Pernyataan statistik juga menunjukkan kaitan antara *military sophistication and civilian decay*. Kajian dari Bangsa-Bangsa Bersatu tentang akibat ekonomi dan sosial dari perlumbaan senjata pula ada menyebutkan yang belanjawan senjata yang besar boleh mengakibatkan kekurangan bahan semulajadi, inflasi dan kerumitan imbangan bayaran negara.

Inflasi sering diperkatakan oleh setengah pihak sebagai salah satu akibat hasil dari kenaikan belanjawan militer, yang menindih ekonomi awam, menyekat pelaburan produktif dan menghalang pertumbuhan ekonomi keseluruhan. Nyata sekali akibat-akibat ini mula menular ke dalam sistem ekonomi dunia sekarang ini.

Perlumbaan pembinaan senjata ini telah melahirkan satu pasaran senjata yang dikuasai oleh syarikat-syarikat antarabangsa yang semata-mata mencari keuntungan tanpa perikemanusiaan dan juga menggugut kestabilan hidup insan, haiwan dan tumbuhan. Walau pun kita sering mendengar tentang masalah kemiskinan, kemelaratan dan serangan-serangan penyakit yang sentiasa dialami oleh rakyat di dunia ketiga, tapi segala keluhan dan rintihan mereka ini jarang sekali mendapat sambutan yang wajar.

Salah satu contoh nyata misalnya ialah usaha menghapuskan malaria oleh World Health Organization (WHO). WHO selalu kekurangan wang untuk menjalankan kerja-kerja untuk meninggikan mutu kesihatan manusia. Walhal, mengikut anggaran WHO, jika diberi AS$450 juta, ia bisa mencegah atau menghapuskan malaria secara besaran; jumlah ini adalah kurang dari 1/1,000 jumlah yang digunakan untuk perbelanjaan militer. Sayangnya, segala rancangan-rancangan WHO sering kali terbengkalai kerana kekurangan wang.

Walau pun soal perlucutan senjata ini boleh dibahaskan dari berbagai sudut, rasanya segala yang berlaku hari ini akan menentukan keadaan dunia pada hari esok. Artikel ini tidaklah menelaah secara lengkap tentang isu ini. Tapi bagi mereka yang berminat dalam soal perlucutan senjata ini, tentu sekali penerangan yang lebih luas dapat didengar dan dibaca di masa-masa akan datang, memandangkan fokas terhadap isu ini kian hari kian mendapat sambutan ramai di seluruh dunia. Sebagai kesimpulan, ingin dirumuskan di sini bahawa untuk kita menjamin hidup yang lebih selamat dan harmoni pada esok hari, perlucutan senjata haruslah dilaksanakan segera. NI

Senjata lawan Keamanan?

KAMALAM: WOMAN UNIONIST



P. Kamalam does not give the impression that she has been actively working with the trade union movement for the past 12 years. A gentle, almost unassuming person, her presence is felt especially at her work-place where she is in her second term of office as President of the Rubber Research Institute Staff Union (RRISU). Nadi Insan talked with her about trade unionism and the problems she faces as a woman trade unionist.

NI: Could you tell us about your initial involvement in the trade union movement?

K: In the beginning I was more involved in the social and education committee. There were differences in the work conditions of men and women at RRI and I felt that women needed to raise their specific problems. That was 12 years ago.

NI: What about your personal background?

K: I was born in Johore and studied in Mersing. In school I was active in societies. After Form Five, I started work at RRI.

Activist

NI: Being an active unionist, do you face disapproval from your family or community?

K: The feelings of disapproval are veiled. If anything goes wrong, my trade union activities get indirect blame. There was also resistance, especially the traditional attitude that women should not be active, let alone trade unionism or politics. Initially there were adverse comments, but later, I guess, people got used to the idea.

NI: Where do you get support from?

K: My mother is more feminist-minded. Friends with similar interests also provide support.

NI: Are there other women who are also active in the union?

K: Yes there are, especially in the last 3 to 4 years. There are now 4 women council members out of 22.

RRISU and MTUC

NI: Who are the members of the RRISU?

K: The RRISU consists mainly of monthly paid staff of RRI, from diploma level holders to the IMG workers. There are also two plantations under RRI and the workers are also in the union. Today there are 1760 members — 1000 from RRI and 700 from the plantations.

NI: Does the RRISU have any links with other unions?

K: No, because no official links are allowed. We are however represented in the National Joint Council and are affiliated to the MTUC and 2 international organizations. Our secretary-general is one of the Vice-Presidents of the MTUC and I am the secretary of the women's section in MTUC. I also sit on the Executive Committee of the MTUC.

NI: What are the activities of the women's section in MTUC?

K: There are several. We service our women workers. We also work with women workers who are not affiliated. The section also deals with labour laws concerning women. Concretely, we plan to bring out information pamphlets on legislation which affect women as workers. When there are strikes, we go out and give moral support to our women workers. We also intend to build a hostel in Shah Alam but that is still under study. The Ministry of Social Welfare intends to build their own hostel but they do not seem interested in union activities.

NI: How effective do you think MTUC has been in improving the conditions of workers?

K: MTUC has not been 100% effective but I think MTUC has contributed to obtaining better services and fairer labour practices. In the last few years, there has been apathy because of internal problems. But these have been solved now and MTUC is going in the right direction.

Future of Trade Unionism

NI: What potential do you see for unionism in Malaysia?

K: With better organisation, unions can play a very effective role. The government will then recognise the need to bring about better conditions. Today, only 15% of workers are organised and this is a setback for us. Our laws do not allow us to organise, especially in the agricultural sector. The ILO request to organise rural workers was turned down by the government with the excuse that there were already other organisations.

NI: Some argue that MTUC leaders are more interested in other matters, such as investments. What do you think?

K: My personal view is that trade union members and leaders should restrict themselves to trade union work. Many of our earlier leaders felt that we should get involved in economic activities, but many of us do not agree.

Labour Law Amendments

NI: How have the recent labour law amendments affected workers, especially women workers?

K: The resent amendments have clamped down on trade union activities and have strengthened employers. The clamp down is on all workers, not specifically women workers.



NI: Do you feel that the labour laws will be more relaxed in future?

K: It's hard to say, because since independence the labour laws have become more and more severe. Unless we come to a point where organised labour is strong enough to resist in toto, I feel the labour laws will not be relaxed. Currently, consciousness of the workers is weak, and the organised strength of the unions is not powerful.



Women's Organisation

NI: What do you think of women's organisations in Malaysia today?

K: Most of the women's organisations in this country are affiliated to the National Council of Women. Some of them are elitist organisations and do not relate to the masses. The National Council sometimes discusses problems of workers – they are successful in some ways but they are not doing much as a national body.

NI: Do you feel that women politicians have played any role in improving the conditions of women workers?

K: Some individuals have helped but as a group they have still not made any impact. Legislation forbids trade union involvement in political parties and in Malaysia, trade unionism is a part-time involvement.

NI: In your view, what is the primary task facing women trade unionist today?

K: This is a tough question. Women trade unionists constitute a small percentage of the movement. Many women drop out so there is a problem in continuity and projects do not get moving. There is a need to train more women for leadership positions.

NI: Why do the women drop out?

K: Because of the attitude of society towards union work. It involves a lot of time and many cannot afford the time. There are few special facilities in this country to help women. If there is a failure in marriage, married women are blamed for neglecting family responsibilities. Too many people practise double standards.

NI: Do you find male chauvinism in the MTUC?

K: Yes. It takes a long time to eradicate this. Women are often blamed when women are not active. However, when you analyse the problem, one important reason is male attitude towards it.

insan bulan ini

PAK JANTAN: NELAYAN SEUMUR HIDUP



'Sudah dua hari, saya tak ke laut. Angin Barat ini dah tujuh hari. Selewat-lewatnya 14 hari, ia akan berhenti. Bila laut teduh, ikan pasti ada.

"Bila tak ke laut, saya menolong isteri menoreh getah orang. Hasilnya bagi dua. Getah sendiri ada seekar. Itupun tanah pusaka. Seekar tanah sawah saya diambil pihak berkuasa dengan ganti rugi $3,000 beberapa tahun dulu.

"Pendapatan nelayan tak tetap. Bila angin elok boleh dapat sampai $1,000. Biasanya pendapatan bersih saya bila ke laut $17 sehari. Dalam 15 hari itu, kalau angin elok, boleh dapat $200.

"Ikan jenak, cabuk dan parang mudah dapat pada musim Barat. Harganya pun lumayan. Ikan parang boleh dijual $4 sekati, kurna $5 sekati dan jenak pula $3.70 sekati.

"Dalam setahun ada tiga bulan musim ikan. Tetapi setiap musim cuma 15 hari sahaja boleh ke laut.

"Dulu saya ada bot sendiri. Bot enjin 7 kuasa kuda itu saya beli dengan wang pinjaman MARA sebanyak $10,000. Malangnya, selepas selesai membayar hutang, bot saya dirampas lanun Indonesia pada tahun 1968.

"Kehidupan nelayan susah. Selain dari Marine Indonesia, kami takut pada lanun. Kalau kena tangkap, makan ribu. Ada kawan saya yang kena tahan sampai tiga bulan di Indonesia. Biasanya wang tebusan $3,000 sampai $5,000.

"Pukat-pukat kami rosak, kena minyak tumpah. Kami tidak dapat apa-apa ganti rugi jika jaring rosak kena minyak. Pada waktu malam pula, kami takut perahu dilanggar kapal.

"Ada kawan saya yang hilang di laut setelah perahunya dilanggar waktu malam. Nasib baik dia selamat pulang empat hari kemudian.

"Saya mula ke laut waktu berumur 14 tahun. Mulanya mengikut orang. Sekarang umur saya 50 tahun. Saya baru beli sebuah perahu dengan harga $900. Anak lelaki saya bantu $300.

'Beberapa bulan lalu, saya minta subsidi dari Majuikan. Tapi jawapan belum ada. Dulu saya pernah minta subsidi sebanyak dua kali, tapi tak dapat kerana tak adaperahu.

"Kalau ada subsidi, ringan sikit tanggungan. Ikan pun tak banyak sekarang. Bukan kerana ramai nelayan, tapi kerana laut dah kotor.

"Kami yang tua-tua ni kena pergi jauh menangkap ikan. Kadang-kadang kami pergi ke Batu Pahat atau Kelang. Pernah juga hingga ke Pulau Pangkor. Kadang-kadang sampai tujuh hari, kami tak pulang ke rumah.

"Anak-anak muda lebih suka kerja kilang. Mereka tak ada modal beli alat menangkap ikan.

"Kerja nelayan tak boleh buat harta. Harga tanah mahal. Kalau nak beli, harganya sampai $13,000 seekar. Untuk tapak rumah saya menumpang di tanah orang.

"Kerja di darat, badan kena embun, badan selalu sejuk. Air laut masin, badan selalau panas. Walaupun tidur dibuai ombak, saya lebih suka jadi nelayan. Macam hari ini, saya tak ke laut, tapi memandangnya pun mencukupi.

Pak Jantan Jaamat,
Kg. Tanah Merah, Melaka
pada 6.12.80

ALM-AL-UMRAN IBN KHALDUN

Sains Pembangunan Masyarakat atau Sosiologi

Dr. Saleh Faghirzadeh
(terjemahan dari Soroush)

Karangan Ibn-Khaldun yang teragung ialah sejarah am dan sejagat (sejarah Ibn-Khaldun) yang dinamakan olehnya *Kitab al-Ibar* atau *Buku Pengalaman.* Tetapi karya Ibn-Khaldun yang dianggap terbaik ialah jika pendahuluan kepada karyanya yang berjudul *Pengenalan Kepada Sejarah* atau *Muqadimah* yang kini dianggap sebagai karyanya yang paling mustahak.

Dalam jilid pendahuluannya ini, ia bermaksud untuk memberi panduan kepada pembaca sebelum menghuraikan sejarah amnya mengenai masyarakat manusia. Dalam prakatanya kepada *Muqaddimah* (m.s. 1–68), dia menganalisa sejarah (*Tarikh*) dari segi dialetik dan cuba memperkenalkan satu ilmu atau sains yang baru, *Alm al-Umran,* iaitu Ilmu Pembangunan Masyarakat atau Sosiologi.

Rangka Muqaddimah

Muqaddimah Ibn Khaldun terbahagi kepada enam bab panjang yang secara sistematik dibahagikan kepada beberapa bahagian, seksyen dan perenggan. Analisa ringkasnya adalah seperti berikut:

Bab pertama mengandungi rangka ilmu sosiologi am serta rangka pengaruh alam sekitar ke atas keadaan manusia.

Bab dua mengandungi sosiologi masyarakat primitif dan masyarakat desa, umpamanya kebiadaban, masyarakat pengembaraan, kumpulan kekeluargaan dan puak.

Bab tiga mengandungi sosiologi politik, yang meliputi berbagai bentuk kerajaan, negara dan institusi, kuasa kerohanian dan duniawi, dan pangkat politik.

Bab empat mengandungi sosiologi masyarakat bandar, yang meliputi bentuk kebudayaan yang paling maju dan *sophisticated* serta berbagai jenis pendudukan, bandar dan daerah.

Bab lima mengandungi sosiologi ekonomi dan perusahaan, termasuklah cara untuk mendapat nafkah, aktiviti ekonomi dan berbagai jenis seni dan pertukangan.

Bab enam mengandungi sosiologi ilmu pengetahuan, sains, pendidikan dan hal-hal kebudayaan secara umum. Dalam bab ini, dia juga membincangkan undang-undang, sastera, puisi, bahasa, linguistik dan bentuk-bentuk peribahasa, persamaan, makna dan pemahaman dalam kebudayaan-kebudayaan yang berbeza.

Logik Persembahannya

Ibn-Khaldun mengikuti dengan cermat rancangan kajiannya yang dirangka secara logik untuk dipersembahkan kepada pembaca. Pada mulanya, dia memperkenalkan sifat-sifat am masyarakat manusia. Kemudiannya, ia mengkaji aspek berasingan pergaulan manusia.

Dia membincangkan masyarakat pengembara sebelum masyarakat kota kerana baginya jenis masyarakat yang pertama itu merupakan jenis terawal dari segala jenis masyarakat manusia. Begitu juga, dengan kajiannya tentang kedaulatan dan penaklukan, yang menurutnya mestilah mendahului kemewahan dan kemunduran yang terjadi selepas sebuah negara itu ditubuhkan.

Dengan cara yang serupa, kajian tentang kegiatan ekonomi diletakkan sebelum pendidikan kerana baginya, yang terdahulu itu adalah keperluan dan yang kemudiannya hanyalah perlengkapan.

Dalam *Muqaddimah,* dia telah cuba menganalisa masyarakat mengikut tahapnya yang berbeza dari permulaan hinggalah akhirnya ditubuhkan dalam bentuk negara, yang mengalami turun-naik antara kemakmuran dan kemiskinan serta kematangan dan keuzuran. Menurutnya, kerja-kerja pertukangan dan sains hanya ujud selepas penubuhan masyarakat manusia.

Dalam *Muqaddimah,* Ibn-Khal-

Gambar Ibn-Khaldun
Dari Jabran Khalil Jabran

(1332–1406 A.D.)
Gambar Ibn Khaldun
Dari Pelukis Yang Tidak Dikenali

dun menekankan dua prinsip saintifik yang mustahak. Yang pertama ialah hukum sebab (*law of causality*) yang diterangkan olehnya sebagai: "Tiap-tiap peristiwa, sama ada ia merupakan objek atau tindakan, adalah ditentukan oleh keadaannya." Prinsip yang kedua ialah saling pergantungan di antara perkembangan sosial.

Menurut Ibn Khaldun, untuk memahami masyarakat, seorang mestilah mengkaji ciri-ciri dan susunannya yang bermula dari individu dan kumpulan yang mudah hinggalah kepada negara yang mempunyai sistem politik yang tersusun. Kadang-kadang, ia menerangkan secara terperinci hingga melebihi rancangan awalnya, seperti yang diterangkan dalam pendahuluan *Muqaddimah.*

Dalam kebanyakan kes, dia mensifatkan hubungan di antara topik dan keadaan sosial dalam masyarakat dalam rangka amnya. Idea ini telah mengilhamkannya untuk bukunya dalam bentuk yang dinyatakan di atas; seperti katanya, "Dalam penyusunan buku ini, saya menggunakan satu kaedah yang ganjil dan telah menciptakan cara yang baru."

Perlu dinyatakan bahawa di zaman Ibn-Khaldun, telah timbul satu pertentangan yang hebat di antara golongan Islam tradisional (*manquliun*) dengan mazhab rasionalis (*Maquliun*). Lebih-lebih lagi ketika itu, terdapat mazhab-mazhab lain seperti mazhab *Sufi* (atau *arfan*)

Ibn-Khaldun menyedari bahawa terdapat institusi-institusi sosial yang mempengaruhi masyarakat pada masanya itu. **NI**

seni

BERTOLT BRECHT: THE REBEL ARTIST

F.S. Kuan

Bertolt Brecht was always a rebel, from the time he wrote 'Ballad of a Dead Soldier', bitterly denouncing World War I. In the 1920s Brecht took up the serious study of socialist philosophy and from that point attempted to apply the class stand and method of dialectical materialism to his art.

Western culture seeks to enshrine Brecht — for the wrong reasons. Some critics even suggest that Brecht is a great artist precisely because he failed as a communist; that this failure allowed his understanding of eternal human nature to illuminate his work.

Not only are whole segments of Brecht's work unavailable or not performed in the West, but his theater is generally twisted out of shape as well. Brecht perceived the way modern Western art forms can convey a sense of normality to social relations.

To counter this "normality," he developed a dramatic approach first displayed in his poetry that allowed the theater company to step out of its "make believe" role in the spirit of 'Hey, you and I know that both of us are in a theater. What are we doing here? What am I saying? Is it true? Do we understand the world? What do you think?"

His work often displays a tension between words and music, producing ironic, provoking or sarcastic effects in an often deceptively simple way. A sardonic hymn to capitalist war profiteering could be sung to the tune of a love song, for example. Many contemporary approaches to Brecht's work tend to remember the tune and to forget the words — or regard them as merely quaint.

Brecht was born in Augsburg, Germany, in 1898. He witnessed the horrors of World War I as a medical orderly, joining the revolutionary upheavals of 1919. He became a popular playwright during the Weimar Republic, fleeing Berlin the day after Hitler came to power, well aware this his name was high on the arrest list. Brecht wandered through Eruope, fleeing Finland in 1941 and travelling across the Soviet Union and the Pacific to exile in Santa Monica, California.

Called before the U.S. House



(Congress) Un-American Activities Committee in Washington in 1947, Brecht left for Europe. Denied papers to live in U.S. occupied Germany, he established his theater in East Berlin, dying there in 1956, 25 years ago.

Brecht's life spans time, continents and struggles: from World War I and the establishment of the first workers' state, through the dark times of fascism, to the problems of socialist construction in a country ideologically and materially maimed by Nazism and war.

Throughout, Brecht wrote poems: early ballads of hideousness of capitalist corruption; raging denunciations of war and the bourgeois "Fatherland;' documentary-style observations of antifascist resistance and working-class courage; painful musings in exile; satires; contemplative poems inspired by ancient Chinese poetry; ironic commentaries on mistakes in struggle; poems on theater.

Above all, Brecht wanted to provoke people, to make one think, not merely to mimic blind sentiments. He considered our era to be part of the long dawn of the "new age", where the materialist scepticism of science is turned toward social relations as well as nature. Relentessly he attempted to apply science to art, to give people the sense of dialectical materialsm in life, the all sided breadth of vision that questions all things:

Praised be doubt . . . .
But the most beautiful of all doubts
Is when the downtrodden and
despondent raise their heads and
Stop believing in the strength
Of their oppressors.

Brecht's view of the artist was that of a highly skilled worker at the service of the masses, not a romantic mystic. When stagehands or school-children made suggestions about his work, he freely revised. Opposed to the "lofty" isolation of the German poet, he wrote collectively amid activity, seeing his work as a "didactic" tool for the education of the toiling classes.

Taking complex political and ideological questions, Brecht would say them in such a way as to be understood by the masses without reducing ideas or condescending to his audience. His theories of the 'epic" theater, as well as other theories of art, were often sharply criticized by theorists holding the dominant line of "socialist realism," an approach to cultural work that suffers from serious mechanical materialist shortcomings. He polemicized for his views despite the difficulties of ideological struggle during the Stalin era.

Despite disappointments with aspects of the left-wing movement, Brecht was unflagging in his anti-fascist work, clearly placing himself with the working class and the socialist camp. Amid the ferocity of World war 2 and the cold war, his notion of the "new age ' was not utopian:

A new age does not begin all of a
sudden
My grandfather was already living
in the new age
My grandson will probably still be
living in the old one
The new meat is eaten with the
forks
It was not the first cars
Nor the tanks
It was not the airplanes over our
roofs
Nor the bombers.

From new transmitters came the
old stupidities.
Wisdom was passed on from mouth
to mouth

Today, there is a need to re-examine work in the cultural arena. Characteristic of the low level of popular culture, activists are often not even aware of such great artists as Iqbal, Nazim Hikmet or Brecht. Often, summation of their work is mired in Western academic frameworks; and their impact on those actually attempting to create popular culture, along with a popular movement, is diffused or lost. Brecht showed clearly how art is not just 'issue-oriented ' propaganda.

Brecht's works are a delight. He is a major figure in literature, still provoking one to think and to have hope in the struggle despite our own "dark times." In one of his final conversations he asked a friend for a candid obituary:

"Don't write that you admire me. Write that I was an uncomfortable person, and that I intend to remain so after my death. Even then there are certain possibilities."

Indeed, those "certain possibilities" remain. NI

BY MALAYSIAN POETS

(to whom it may concern)

oh sure a little knife
pushed into their sides
harms not such
mightiness
such richness
such age
so till their life bleeds
you lynch them
with ugly dreadful monstrosity
and crafty speed
and as each one falls
it falls
with the echoes of Death
accompanying
and the wails of us
frighten not you
for you're licensed to kill,
and with each death
you murder its mightiness
you rob its richness
you stunt its age
and the barrenness
your monument of material richness
and as the creatures of the wild
flee at the sight of
such barbarism
and your brother suffers
the dry deadness of his life
you plunder —
in the name of Capitalism
you live —
in the name of God

OLEH PENYAJAK MALAYSIA

(kepada sesiapa yang berkenaan)

oh benar sebilah pisau kecil
menggadak rusuknya
tak kan hancur
keagungan
kekayaan
usianya
hingga berdarah hidup mereka
kau merejam mereka
dengan nafsu kekejaman
dan pintar bergerak
dan setiap yang jatuh
dia jatuh
bersama gema-gema maut
mengiringi
dan ratapan kami
tidak menggentarkan kamu
kerana kau diberi restu untuk membunuh
dan dengan tiap-tiap kematian
kau membunuh keagungannya
kau merampas kekayaannya
kau membuntu usianya
dan kemandulan
tugu harta kekayaan mu
dan makhluk liar
melarikan diri bila menatap
kekejaman mu
dan saudara mu tersiksa
dari kehampaan hidupnya
kau merompak —
demi memuja kapitalisme
kau hidup —
kononnya demi Tuhan

a. bala

filem

LINO BROCKA: Films About The Small Man For The Small Man

A. Tan

Although Filipino film and stage director, Lino Brocka won no award, a five-minute standing ovation greeted the screening of his movie *Jaguar,* the Philippines' first entry at the 1980 Cannes Film Festival.

Cannes was Brocka's triumph but also his personal tragedy, for one of the Third World's brightest directors is a parish of the arts in his native Philippines, where he is denied official recognition and sanction. An official Philippines delegation sponsored a party at Cannes to help win assignment of the 1981 World Film Festival to Manila. They won the bid, but were enraged at Brocka for snubbing the gala night. Brocka was not part of the official party and decided not to attend.

Brocka has been shunned by the "official" circle of the country's Number One patron of the arts — First Lady Imelda Marcos — because his approach to Filipino culture differs from theirs. His cinematic obsession with the aspirations of the "little man" in the slums runs counter to the tireless efforts of Mrs. Marcos to project only the good and the beautiful.

The problem of resisting official ire is common in developing countries, where national leadership regards garbage heap projected onto the screen (which Brocka includes in *Jaguar*) not as art or stark social commentary, but as an effort to undermine nationbuilding. Brocka shuns the World Film Festival because his films will not be accepted.

Brocka has had suggestions that he direct movies on the exploits of President Ferdinand Marcos, the Philippines' most decorated war hero. He says he wants to concentrate on movies about "little men." *Jaguar* traces the same theme as his critically acclaimed *Insiang* and his well-received 1975 movie *Maynila*, in which he focuses on poor slum



dwellers attracted to the big city lights, who find their dreams shattered by the rich.

In Manila, where he was named by movie critics as Best Director, he strode up to the stage, made a scathing attack on the judging and left the audience gaping. But such displays of temper are rare, Brocka says, tempered by his Mormon existence.

A fustrated student in English — he failed to get his Bachelor's degree in ten years of study — he went to Hawaii and became a Mormon missionary. The Mormons banished him to a leper colony because he was troublesome. His work among the lepers, he recalls, was a kind of rebirth which left him less bitter and less cynical about life.

Although the Asian cinema seems to have overplayed the human struggle for survival, Brocka feels this theme still has appeal. Declared a bankrupt due to bad management of his movie company, Brocka lives in a modest home in the Manila suburbs, with no car. He has been doing commerical films in the past few years to pay off his debts.

Commercialism, Brocka discovers, is necessary, even in his first love, the theater. As Executive Director of the Philippines Educational Theater Association (PETA), a nonprofit organization to test the talents of up-and-coming actors and script writers, he has to stage an occasional Tennessee Williams or Arthur Miller play to keep it alive. However, most of PETA's low-budget plays are subtle criticisms of the feudal society that still exists in the Philippines.

NI

KUKU BESI DIKACIP



MASALAHNYA, BILA KITA BERITAHU RAKYAT TENTANG HAK ASASI MEREKA...

MEREKA PERCAYA -





UNTUK NUSA DAN BANGSA

DITERBITKAN SETIAP HARI JUMAAT

Cable: WATANIAH Kuala Lumpur
P.O. Box 2454

399-A, Jalan Tuanku Abdul Rahman,
Kuala Lumpur.
Tel: 980044.

HIROSHIMA
SAHARA MURUROA
bukan hanya kebetulan
UJIAN NUKLEAR BARAT
selamat di bawah tanah bila
dilakukan di kawasannya sendiri
tetapi selalu
di udara
di mana
orang berkulit
BUKAN PUTIH
cecil rajendra